

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Perbincangan dalam bab ini dimulakan dengan menjawab soalan-soalan kajian yang telah digariskan dalam Bab I yang terdiri daripada tujuh soalan kajian. Kemudian rumusan perbincangan dilakukan berdasarkan perbincangan terhadap soalan-soalan kajian tersebut. Selepas itu perbincangan berkaitan implikasi dan cadangan penambahbaikan dan pembaharuan yang perlu diambil kira dalam menghasilkan sebuah buku teks bahasa Arab yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang sesuai pada peringkat menengah berdasarkan kriteria-kriteria kebolehbacaan yang dikenal pasti. Seterusnya, perbincangan bab ini diakhiri dengan cadangan kajian lanjutan berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, batasan kajian dan senario kajian-kajian lepas berkaitan kebolehbacaan secara am dan kebolehbacaan bahasa Arab secara khusus.

## **5.2 Apakah kriteria linguistik dalam teks bacaan digunakan bagi tujuan menilai kebolehbacaan buku teks BAT**

Kriteria-kriteria linguistik dalam teks-teks bacaan buku teks BAT Tingkatan Empat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu perkataan, ayat dan isi. Hasil kajian menunjukkan ciri-ciri linguistik yang merangkumi ketiga-tiga kategori tersebut mempunyai taburan keseragaman penggunaan yang kurang seimbang khususnya kategori perkataan. Berdasarkan nilai sisihan piawai (s.p.), ciri-ciri linguistik boleh dilihat dari yang paling seragam taburan penggunaannya hingga kepada paling tidak seragam kekerapan penggunaannya dalam 15 teks adalah seperti berikut; ayat kompleks (AK) (s.p.=1.64), isi (s.p.=1.88), ayat panjang kata nama (APKN) (s.p.=2.45), ayat panjang kata kerja (APKK) (s.p.=3.02), ayat kata kerja (AKK) (s.p.=3.70), bentuk kata (s.p.=4.00), ayat kata nama (AKN) (s.p.=4.35), makna kata (s.p.=4.62), perkataan bukan daripada senarai kata KPM dan bukan kata pinjaman (KPPK; Kebiasaan penggunaan dan pengecaman kata) (s.p.=6.49), binaan kata (s.p.=6.85) dan ayat balaghah (AB) (s.p.=9.60).

Daripada urutan ini dapat diperhatikan, lima ciri linguistik paling seragam penggunaannya dalam 15 teks bacaan terdiri daripada kategori ayat dan isi, manakala baki enam ciri lagi yang mempunyai taburan penggunaan yang kurang seragam terdiri daripada ciri-ciri perkataan dan satu daripada ciri ayat. Hal ini bermakna ciri-ciri linguistik yang mempunyai potensi boleh mempengaruhi kesukaran 15 teks bacaan buku teks BAT Tingkatan Empat secara konsisten, banyak tertumpu kepada ciri ayat dan isi teks berdasarkan keseragaman kekerapan penggunaannya dalam teks-teks yang dikaji. Hal ini bukan bermakna ciri perkataan tidak mempunyai pengaruh terhadap kesukaran teks, namun dalam teks-teks bacaan buku teks BAT Tingkatan Empat

taburan ciri perkataan yang boleh memberi kesukaran untuk dibaca adalah tidak seragam kekerapan penggunaannya. Sebagai contoh, perkataan bukan dari senarai kata KPM dan bukan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu (KPPK) dalam teks mempunyai jarak taburan peratusan penggunaan dalam teks antara 13% hingga 40% dengan purata penggunaan KPPK per teks sebanyak 25%, iaitu teks yang rendah penggunaan KPPK (13%) dan ada yang agak tinggi peratus penggunaan KPPK (40%).

Berdasarkan kajian kebolehbacaan bagi teks-teks bahasa lain khususnya bahasa Inggeris dan bahasa Melayu kebanyakan sarjana seperti Klare (1969), Chall (1974), Khadijah Rohani (1982), Wright dan Stenner (1998) dan Gunning (2003), mendapati elemen linguistik yang biasa dan penting sering menjadi ukuran dan diguna pakai dalam menentukan tahap kebolehbacaan sesebuah teks adalah ciri perkataan dan ayat. Perlu diingat saranan para sarjana tersebut merupakan dapatan analisis daripada ratusan sampel bahan bacaan berbanding 15 teks bacaan dalam kajian ini. Oleh itu, selain ciri perkataan dan ayat yang perlu diambil kira, berdasarkan kajian ini, ciri isi juga perlu diambil perhatian dalam menilai kebolehbacaan teks-teks buku teks BAT Tingkatan Empat. Pandangan ini bersesuaian dengan dapatan kajian Bādī (1982) yang mendapati kepadatan isi juga berperanan dalam menentukan tahap kesukaran teks bahasa Arab bagi penutur Arab. Malah menurut Chall (1974) unsur kepadatan isi juga adalah antara yang diberi perhatian dalam pembinaan beberapa formula kebolehbacaan.

Apabila ditinjau secara lebih spesifik hubungan ciri-ciri linguistik daripada unsur perkataan, ayat dan isi melalui jadual 4.6 dalam bab IV, kajian mendapati ciri-ciri linguistik yang mempunyai hubungan positif yang kuat melibatkan 8 kombinasi pemboleh ubah sama ada antara ciri ayat dengan isi, ayat dengan perkataan, dan perkataan dengan isi. Kombinasi pemboleh ubah linguistik yang memperoleh nilai

korelasi tertinggi adalah antara AK dan isi ( $r=0.766$ ), diikuti dengan AKK dan APKK ( $r=0.562$ ), binaan kata dan AB ( $r=0.524$ ), binaan kata dan isi ( $r=0.418$ ), makna kata dan AK ( $r=0.374$ ), bentuk kata dan isi ( $r=0.371$ ), KPPK dan AKN ( $r=0.352$ ), dan makna dan APKN ( $r=0.315$ ).

Dapatan korelasi ini menunjukkan pertalian antara AK (ayat kompleks) dengan isi adalah tinggi, iaitu 58.76% varians antara dua pemboleh ubah ini dikongsi bersama dalam menentukan kesukaran sesebuah teks. Manakala analisis pula menunjukkan purata kepadatan unsur ayat sintaksis mudah dan isi dalam satu ayat bagi semua 15 teks yang dikaji adalah sama, iaitu tujuh (7) ayat mudah dan tujuh (7) isi. Keadaan ini memberi gambaran ayat kompleks, iaitu ayat yang terdiri daripada beberapa ayat sintaksis mudah mempunyai kaitan dengan kepadatan isi. Malah apa yang menarik kedua pemboleh ubah ini merupakan ciri linguistik yang paling seragam penggunaannya berbanding yang lain. Hal ini bermakna tahap kefahaman terhadap isi kandungan bahan bacaan bahasa Arab sebagai bahasa asing bergantung kepada kemahiran pembaca terhadap sistem sintaksis bahasa yang dibaca.

Selain itu ciri linguistik lain yang berkorelasi positif kuat dengan AK dan isi adalah bentuk kata, makna kata dan binaan kata. Perkara ini dapat dijangka memandangkan pembentukan ayat sempurna terdiri daripada unsur perkataan, ayat mudah serta mesej yang hendak disampaikan. Namun nilai korelasi antara ciri perkataan dengan ayat dan isi lebih kecil berbanding kombinasi antara ciri ayat dan isi. Oleh itu, tahap kesukaran teks-teks bacaan buku teks BAT Tingkatan Empat mempunyai kaitan dengan bentuk ayat yang panjang yang terdiri daripada ayat-ayat sintaksis mudah. Ayat-ayat ini pula terdiri daripada unsur-unsur perkataan berciri kata berderivasi dan berimbuhan, kata abstrak dan kata klausa. Kombinasi antara unsur

perkataan dan beberapa ayat sintaksis mudah dalam satu ayat menyukarkan murid untuk memahami isi kandungan yang disampaikan. Dapatan ini menyokong kajian Muḥammad Zain (1994), Kamarulzaman (1998) dan Muḥammad Bakhīt (1998) yang menyatakan unsur ayat panjang yang terdiri dari sistem morfologi yang asing bagi penutur Melayu boleh menyukarkan murid Melayu membaca dan memahami bahasa tersebut sekiranya ia tidak didedah dan difahami dengan baik. Oleh itu dalam membaca bahan bacaan bahasa Arab sebagai bahasa asing, murid seharusnya mahir dalam sistem sintaksis bahasa yang dipelajari kerana ia membantu murid memahami isi kandungan yang hendak disampaikan oleh penulis.

Dalam konteks ini, Drews dan Schleifer (1993) mendapati apabila jangkaan terhadap makna sesuatu mesej berkurangan, pembaca akan menghadapi kesukaran untuk memahami mesej yang ditulis. Rye (1982) juga menyatakan apabila sesuatu teks mempunyai jangkaan makna yang tinggi, ia merupakan mesej yang mudah dibaca. Pandangan ini bertepatan dengan pepatah Arab mengenai bahasa Arab yang menyatakan sekiranya betul *i'rāb* (fleksy/tata bahasa) seseorang nescaya betul isi yang difahaminya dan ada pula menyatakan *i'rāb* itu sebahagian atau cabang daripada makna ('Abd al-Hamīd 1990; Marjān 1963). Kesahihan andaian kesukaran teks-teks bacaan buku teks BAT Tingkatan Empat ini diperkukuh dengan purata skor kebolehbacaan murid yang berada pada tahap kecewa (49%). Dapatan tinjauan persepsi murid terhadap dorongan dalaman mereka terhadap membaca bahan bacaan bahasa Arab mengukuhkan lagi situasi ini dengan min yang diperoleh adalah rendah dan sederhana, iaitu antara min=2.01 hingga min=2.80 iaitu antara 73.1% hingga 89.9% responden menyatakan kurang setuju dan tidak setuju terhadap pernyataan berkaitan aktiviti membaca bahan bacaan bahasa Arab seperti membaca petikan bahasa Arab yang

panjang dan susah atau sukar, membaca buku-buku cerita dalam bahasa Arab, membaca surat khabar dan majalah bahasa Arab, membaca secara sukarela selain kerja rumah atau tugas yang perlu dilakukan serta membaca bahan versi bahasa Arab walaupun terdapat dalam versi bahasa Melayu atau Inggeris.

Manakala guru-guru pula menyatakan aras bahasa dalam buku teks BAT Tingkatan Empat adalah tinggi. Hal ini mungkin ada kaitan yang kuat dengan pemboleh-pemboleh ubah ini, tahap aras bahasa yang digunakan sama ada dari konteks ciri perkataan, pembentukan ayat mudah, dan ayat kompleks dalam menyampaikan mesej mengatasi aras kemampuan bahasa murid. Apa yang pernah diutarakan oleh Muḥammad Zain (1994), Kamarulzaman (1998) dan Muḥammad Bakhīt (1998) yang menegaskan sistem sintaksis dan morfologi bahasa perlu dikuasai dengan baik oleh murid bagi membolehkan mereka membaca teks-teks yang agak kompleks ciri ayatnya, iaitu tujuh (7) ayat sintaksis mudah per ayat dalam teks-teks buku teks BAT Tingkatan Empat. Oleh itu dalam konteks kebolehbacaan bahan bacaan bahasa Arab untuk penutur asing khususnya murid Melayu di SMKA tahap penggunaan ayat sintaksis mudah dan ciri morfologi bahasa Arab dalam teks perlu diambil kira kerana kaitannya dengan isi dan makna mesej teks yang dibaca.

Selain pemboleh ubah AK dan isi yang dibincangkan tadi, ciri linguistik yang berkorelasi kuat juga adalah antara AKK (ayat kata kerja) dan APKK (ayat panjang kata kerja) ( $r=0.562$ ). Kedua pemboleh ubah ini adalah yang paling seragam kekerapan penggunaan antara 15 teks bacaan yang dikaji selepas AK dan isi. Menurut Muḥammad. Zain (1994) ayat kata kerja adalah unsur dalam bahasa Arab yang tidak ada dalam ciri ayat bahasa Melayu, justeru ia dijangkakan memberi kesukaran kepada murid Melayu yang kurang biasa dengan bentuk ayat ini. Berdasarkan kajian-kajian kebolehbacaan

seperti Klare (1969), Chall (1974), Gilliland (1972), Pikulski (2002) dan Gunning (2003), unsur ayat merupakan kedua terpenting dalam mengukur kebolehbacaan. Dalam konteks ini, kajian ini membuktikan unsur ayat berpotensi memberi sumbangan terhadap tahap kesukaran teks-teks bacaan buku teks BAT Tingkatan Empat berdasarkan tahap keseragaman penggunaannya dalam 15 teks yang dikaji.

Dapatan analisis yang diperoleh pula menunjukkan purata ayat panjang kata kerja (APKK) dalam satu teks adalah empat (4) ayat, manakala kekerapan ayat kata kerja (AKK) dalam satu teks adalah sepuluh. Dapatan analisis juga mendapati varians antara APKK dan AKK yang dikongsi bersama adalah sebanyak 31.58%. Selain dari purata APKK sebanyak empat (4) ayat per teks dengan sisihan piawai=3.02, terdapat purata APKN sebanyak tiga (3) ayat per teks dengan sisihan piawai=2.45. Kedua-dua pemboleh ubah ini adalah antara empat ciri linguistik yang paling seragam kekerapan penggunaannya dalam 15 teks yang dikaji. Memandangkan ayat kata kerja bukanlah suatu bentuk ayat yang biasa bagi murid Melayu, tahap kekerapan penggunaan APKK dalam teks yang dibaca memungkinkan kesukaran murid memahami teks yang dibaca, di tambah pula dengan APKN yang terdapat dalam teks.

Keadaan ini boleh menambah tahap kesukaran teks dalam kalangan murid untuk dibaca kerana ciri yang agak janggal dengan kebiasaan murid, iaitu ayat panjang yang terdiri daripada beberapa ayat kata kerja di samping ayat panjang kata nama yang juga digunakan. Menurut Ruddell (1965) tahap kefahaman membaca kanak-kanak lebih mudah difahami sekiranya ayat-ayat yang terdapat dalam teks tersebut adalah yang biasa diketahui mereka. Dalam konteks ini juga, Yngve (1961), Chall (1974) dan Khadijah Rohani (1982) menegaskan lebih panjang sesuatu ayat, lebih sukar untuk difahami dan apabila kerap ayat panjang dalam satu teks ia menambahkan lagi tahap

kekompleksan sesuatu teks, kerana ia membawa maklumat yang banyak. Malah berdasarkan kajian ini bukan sahaja maklumat bertambah padat, struktur sintaksis juga menjadi semakin kompleks.

Sehubungan dengan itu, Miller dan Selfridge (1950) dan Harrison (1980) mendapati murid kurang memahami teks bacaan dalam bidang sains kerana ia mempunyai beberapa ayat panjang yang kompleks serta isi yang padat dengan maklumat. Menurut mereka, hasil daripada itu pembaca tidak mendapati petunjuk yang boleh membantu murid memahami mesej yang diingini oleh penulis. Justeru dalam konteks kajian ini, para murid tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan sistem bahasa Arab yang cukup untuk membolehkan mereka menjadikannya petunjuk untuk memahami isi teks-teks yang dibaca.

Dari aspek perkataan selain dari yang disebutkan di atas, korelasi antara binaan kata (kata berderivasi dan berimbuhan) dan AB (ayat balaghah) juga menunjukkan nilai yang tinggi, iaitu tahap hubungan yang kuat ( $r=0.524$ ). Analisis dalam kajian ini menunjukkan kekerapan binaan kata per teks adalah 19% dengan sisihan piawai=6.85 dengan jarak peratus kekerapan minimum dan maksimum dalam teks antara 9% hingga 32% dan kekerapan AB per teks pula adalah 19% dengan sisihan piawai=9.60 dengan jarak peratus kekerapan minimum dan maksimum dalam teks antara 9% hingga 41%. Walaupun dua ciri linguistik ini adalah yang paling tidak seragam kekerapan penggunaannya dalam 15 teks yang dikaji, didapati 27.45% varians dikongsi bersama antara kedua-dua ciri ini. Hal ini menunjukkan perkataan yang membawa maksud berunsur balaghah sama ada berbentuk simile, kiasan atau *majaz*, mempunyai pertalian yang kuat dengan perkataan-perkataan yang berderivasi dan berimbuhan. Hal ini bermakna kecenderungan makna sesuatu perkataan yang berderivasi dan berimbuhan



membawa maksud balaghah dan abstrak juga boleh mempengaruhi tahap kesukaran sesebuah teks Arab dalam kalangan murid Melayu.

Ukuran yang biasa digunakan dalam mengukur perkataan selain berdasarkan senarai kata adalah dengan mengira huruf atau suku kata dalam perkataan. Teori ada menyatakan panjang sesuatu perkataan itu bergantung kepada bilangan huruf atau suku kata, seterusnya apabila sesuatu perkataan itu panjang ia mempunyai makna yang abstrak dan sukar difahami (Chall & Dale 1995, Harrison 1980, dan Khadijah Rohani 1982). Pengiraan ini sesuai dilakukan kepada bahasa yang banyak bergantung kepada sistem imbuhan dalam pembentukan kata seperti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Bagi bahasa yang banyak bergantung kepada sistem derivasi (*'isytiqāq*) berbanding imbuhan dalam pembentukan katanya seperti bahasa Arab (Kamarulzaman 1998), kaedah pengiraan ini boleh juga digunakan untuk pembaca penutur Arab (Dāud, 1977 & Bādī 1982). Namun, bagi menentukan tahap kesukaran perkataan dari perspektif penutur asing ia perlu dilihat dari aspek binaan kata yang digunakan sama ada ia kata dasar atau kata berderivasi atau berimbuhan kerana ia berkaitan dengan aspek pengecaman dan pentafsiran.

Berdasarkan kajian ini, dapattannya tidak jauh dari apa yang diperoleh oleh kajian-kajian dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sebagaimana dinyatakan diatas. Didapati binaan kata, iaitu kata berderivasi dan berimbuhan mempunyai pertalian yang kuat untuk membawa makna balaghah serta abstrak. Oleh itu, sekiranya dalam sesebuah teks itu mempunyai peratusan yang tinggi kata binaan, berkemungkinan banyak makna balaghah dan abstrak yang terkandung dalam teks tersebut. Hal ini sedikit banyak boleh mempengaruhi penutur asing khususnya murid Melayu untuk memahami teks bahasa Arab yang mempunyai budaya bahasa yang asing bagi mereka.

Menurut Harrison (1980) dan Venable (2003) kesukaran konseptual perkataan adalah lebih penting diambil kira berbanding pengiraan berdasarkan senarai kata, kerana antara faktor yang mempunyai potensi yang besar terhadap kesukaran teks adalah banyaknya perkataan yang abstrak dan sofistikated.

Dari perbincangan ini boleh dirumuskan ciri-ciri linguistik yang mempunyai potensi yang besar mempengaruhi tahap kebolehbacaan teks-teks bahasa Arab dalam buku teks BAT Tingkatan Empat dalam kalangan murid di SMKA adalah ciri ayat kompleks dalam teks, kandungan isi dalam satu ayat, ayat-ayat kata kerja dan ayat-ayat panjang sama ada ayat kata kerja atau kata nama, dan ciri perkataan khususnya kata berderivasi dan berimbuhan.

### **5.3 Apakah kriteria persembahan teknikal bagi menilai kebolehbacaan buku teks BAT?**

Persembahan organisasi dan teknikal yang baik dalam sesebuah bahan bacaan adalah penting dalam menyumbang kepada tahap kebolehbacaan bahan bacaan tersebut (Chall, 1974 & Harrison 1980). Huckins (1983) telah mencadangkan organisasi sesebuah teks bacaan yang baik itu perlu diberi perhatian sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kebolehbacaan teks tersebut. Malah menurut Toiemah (1985) persembahan sesebuah buku teks adalah satu langkah penting dalam menuju objektif, oleh itu seharusnya keelokan dan kekemasan persembahan buku tersebut setanding dengan keindahan dan kemurnian objektif penggubalannya.

Berdasarkan persepsi guru-guru yang mengajar subjek BAT Tingkatan Empat yang berlatarbelakangkan tempoh pengalaman mengajar yang pelbagai, kajian ini mendapati persembahan teknikal buku teks BAT Tingkatan Empat berada pada tahap

sederhana (min=3.44). Penilaian ini memberikan gambaran bahawa persembahan teknikal buku teks BAT Tingkatan Empat yang digunakan sekarang belum mencapai tahap yang memuaskan dan baik. Berdasarkan temu bual bersama guru, kebanyakan mereka cenderung menyatakan aspek utama yang mempengaruhi kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat adalah tahap kepadatan dan aras kandungan serta aras bahasa yang digunakan. Sehubungan itu mereka memberikan penilaian motivasi murid terhadap buku teks BAT Tingkatan Empat berada pada tahap sederhana (min=3.26).

Menurut Irwin dan Davis (1980), Huckins (1983) dan Alderson (2000), penyediaan bahan pembelajaran antaranya buku teks dan bahan-bahan bacaan perlu berada dalam tahap yang terbaik kerana ia boleh mempengaruhi kebolehbacaan bahan-bahan tersebut. Cara persembahan yang baik boleh membantu murid memahami teks-teks yang dibaca semasa pembelajaran sendiri dan juga bersama guru, malah ia boleh membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Coleman (1962) menyatakan penyediaan sesebuah bahan bacaan yang sesuai dengan latar belakang bahasa murid boleh menjadi alat yang paling berkesan kerana ia boleh membantu pembaca atau murid membaca dan memahami kandungannya. Hal ini bersesuaian dengan cadangan Toiemah (1984) supaya penyediaan buku teks bahasa Arab sebagai bahasa asing berada pada tahap terbaik agar ia membantu meningkatkan motivasi dan tahap kebolehbacaan dalam kalangan murid bukan penutur Arab.

Faktor ini penting kerana ia merupakan salah satu sumber penting yang boleh meningkatkan motivasi dan minat murid untuk membaca dan mempelajari buku teks yang disediakan walaupun kandungan dan aras bahasa bahan yang digunakan lebih tinggi daripada aras keupayaan bahasa murid. Perkara ini pernah ditegaskan oleh Marohaini, (1999) dan Williams et al. (2002), mereka menyatakan sesebuah bahan

bacaan perlu mampu meningkatkan tahap motivasi pembaca khususnya apabila bahan bacaan itu disediakan untuk kegunaan pembelajaran di sekolah. Menurut Nuttall (1985), apabila murid terangsang untuk membaca hasil persembahan yang menarik dan baik, ia boleh meningkatkan kemahiran membaca murid terhadap bahasa asing yang dipelajarinya. Bukan sekadar itu, Alderson (2000) menegaskan jika motivasi diri seseorang murid untuk membaca sesuatu bahan bacaan dapat ditingkatkan, tahap kefahaman akan bertambah baik serta aras kesukaran teks yang dibaca dapat dikurangkan. Menurut Rayner dan Pollatsek (1989) pembaca mampu membaca bahan yang lebih tinggi daripada tahap bahasanya apabila ia mempunyai motivasi dan minat yang tinggi terhadap kandungan bahan yang dibaca.

Meninjau kriteria-kriteria yang berkaitan persembahan teknikal, kajian mendapati majoriti kriteria yang ditinjau berdasarkan persepsi guru berada pada tahap sederhana. Daripada sembilan (9) kriteria yang ditinjau, kriteria reka bentuk fizikal memperoleh nilai min tertinggi iaitu 3.68, manakala bahan tambahan pula memperoleh nilai min terendah, iaitu 2.54. Berdasarkan dapatan ini, kriteria reka bentuk fizikal memperoleh penilaian terbaik berbanding kriteria lain, iaitu berada pada tahap baik, juga aspek tunggal yang dinilai baik oleh guru-guru BAT. Berdasarkan tinjauan daripada 10 pernyataan berkaitan reka berbentuk fizikal, lima (5) daripadanya berada pada tahap sederhana tinggi iaitu memperoleh min antara 3.47 hingga 3.62. Ia melibatkan pernyataan berkaitan kulit muka, gambaran visual, ilustrasi, graf, peta, carta dan lain-lain, reka bentuk umum dan susunan reka bentuk. Manakala pernyataan yang memperoleh penilaian yang baik dengan nilai min antara 3.69 hingga 3.98 adalah yang berkaitan saiz dan berat buku teks, kualiti pengeditan dan penerbitan, ketahanan, jenis dan saiz tulisan, dan padanan antara grafik dan teks. Dari temu bual dengan guru pula,

kajian mendapati kebanyakan pandangan berkaitan aspek ini berkisar kepada latar belakang warna paparan kandungan muka surat yang sebahagiannya agak suram, iaitu tanpa warna serta kurang menarik.

Reka bentuk fizikal yang baik ini bersesuaian dengan saranan para sarjana seperti Carrell (1985), Day (1994), Johnson (2005), Khadijah Rohani (1987), dan Watts dan Nisbet (1974) yang menegaskan keperluan reka bentuk fizikal yang baik dan menarik. Ia lebih diperlukan khususnya bagi bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing (Toiemah 1985). Reka bentuk fizikal yang baik boleh menarik minat pembaca untuk membaca sesebuah bahan bacaan. Menurut Watts dan Nisbet (1974), bukan sekadar menarik minat pembaca, ia juga membantu memudahkan pembaca untuk memahami kandungan isi yang kompleks, konseptual dan abstrak, begitu juga boleh membantu proses mengingat kembali isi yang dibaca.

Pernyataan ini dibuktikan dengan kajian-kajian yang menunjukkan peranan ciri-ciri dalam reka bentuk fizikal terhadap kefahaman pembaca terhadap bahan bacaan, antaranya kajian Vernon (1929), Tinker (1963), Spancer (1969), Gilliland (1972), dan Davis, Woods dan Scharff (2001) yang mendapati peranan tipografi seperti pemilihan bentuk, saiz dan jenis huruf dalam mempengaruhi kemudahbacaan sesebuah teks bacaan. Selain itu, Tinker (1963), Toiemah (1985), Harrison (1989), Marohaini (1999), Alderson (2000), Andrews, Scharff dan Moses (2002), dan Johnson (2005) berpendapat berdasarkan pemerhatian dan kajian mereka, bahawa kepentingan dan peranan aspek-aspek lain seperti ilustrasi, warna, muka kulit, susunan kandungan dalam muka surat, jarak langkau antara baris, kepadatan isi dalam muka surat, paparan muka surat, jadual, graf dan sebagainya yang boleh mempengaruhi kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan

berdasarkan kesesuaiannya dengan tahap pembaca sama ada dari aspek minat, umur, gaya dan keupayaan pembaca serta tujuan bahan itu digunakan.

Aspek lain yang mendapat penilaian terendah pula adalah bahan-bahan tambahan bagi menyokong penggunaan buku teks sama ada oleh murid mahupun guru. Tinjauan menunjukkan bahan-bahan tambahan yang disediakan seperti alat-alat audio visual, video, cakera padat, buku-buku kerja dan lembaran aktiviti dan latihan tambahan pula, sebanyak 56.6% dan 61.5% responden berpendapat ia berada pada tahap lemah ( $\text{min}=2.08$  dan  $\text{min}=2.31$ ). Manakala pernyataan yang lain dalam aspek ini memperoleh nilai min pada tahap sederhana rendah, iaitu antara  $\text{min}=2.53$  hingga  $\text{min}=2.92$ , sebanyak 21.7% hingga 24.1% responden guru menyatakan aspek tersebut berada pada tahap baik. Ia melibatkan pernyataan bahan-bahan tambahan mudah didapati, bahan tambahan untuk kemahiran membaca dibekalkan, cadangan kegunaan aktiviti tambahan yang sesuai, dan bahan-bahan tambahan ada kaitan dengan konsep-konsep dalam buku teks. Ini bermakna penggunaan buku teks BAT Tingkatan Empat tidak dibekalkan sebaiknya dengan bahan-bahan tambahan bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran subjek BAT Tingkatan Empat. Penilaian ini diperkukuhkan dengan pandangan guru dalam temu bual bebas bahawa bahan-bahan tambahan untuk memperkaya aktiviti pembelajaran BAT Tingkatan Empat amat kurang dibekalkan. Perkara ini agak bercanggah dengan keperluan sistem pendidikan moden lebih-lebih lagi dalam mempelajari bahasa asing seperti bahasa Arab di Malaysia.

Para sarjana seperti Atan Long (1979) Grimes dan Willey (1990), Fulford (1993), al-'Arabī (1981) dan lain-lain membuktikan bahawa peranan bahan-bahan tambahan atau bahan bantu mengajar dalam meningkatkan penguasaan dan kemahiran serta mempercepat pemahaman murid dalam pelajaran yang diikuti. Apabila bahan-bahan

tambahan bantuan tidak dibekalkan dengan baik untuk digunakan, ia boleh menyebabkan usaha untuk mempermudah pembelajaran serta meningkatkan kefahaman dan motivasi murid boleh terencat. Bahan-bahan tambahan sokongan ini amat penting khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing memandangkan dalam persekitaran bahasa Arab di Malaysia, sumber-sumber yang boleh membantu murid memahami konsep-konsep bahasa dan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka adalah terhad. Apabila mereka tidak mempunyai sumber luar bagi aktiviti bahasa Arab sebagai bahasa asing yang sesuai dan cukup untuk memahami pelajaran dalam BAT, penumpuan sepenuhnya kepada buku teks semata-mata boleh mendatangkan rasa jemu dan bosan oleh murid seterusnya keinginan serta usaha untuk membaca dan memahami buku teks yang disediakan berkurangan. Keadaan ini sedikit banyak boleh mempengaruhi kebolehbacaan buku teks tersebut.

Kriteria-kriteria lain dalam persembahan teknikal pula memperoleh nilai min sederhana tinggi, iaitu antara min=3.26 hingga min=3.66. Aspek tersebut adalah gambaran am (min=3.59), persembahan kandungan (min=3.59), bahasa dan kemahiran bahasa (min=3.55), organisasi (3.53), aktiviti dan latihan (min=3.53), pengukuran (3.66) dan motivasi murid (min=3.26). Dapatan ini menunjukkan aspek-aspek ini masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Berdasarkan tinjauan temu bual guru, kebanyakan guru menyentuh aspek berkaitan kepadatan dan aras kandungan, aras bahasa yang digunakan agak tinggi berbanding keupayaan bahasa murid dan aktiviti latihan kurang memuaskan.

Kepadatan isi pembelajaran yang dinyatakan ini mungkin merujuk kepada masa pembelajaran yang diperuntukkan tidak mencukupi. Hal ini boleh dilihat kepada

pernyataan buku teks boleh mencakupi masa pembelajaran yang ditetapkan memperoleh nilai min sederhana rendah, iaitu  $\text{min}=2.59$  dengan hanya 18.1% responden menyatakan pernyataan ini berada pada tahap baik. Manakala kandungan isi pembelajaran pula adalah baik berdasarkan persetujuan responden bagi tahap baik untuk pernyataan buku teks sesuai dengan objektif kurikulum yang digariskan. Namun dari temu bual, sebahagian guru berpendapat walaupun kandungan pembelajaran sesuai dengan objektif dan umur murid, persembahan kandungannya kurang tersusun, bercampur aduk serta kelihatan serabut.

Bagi pernyataan guru dalam temu bual bahawa bahasa teks yang digunakan pada aras yang tinggi pula telah dibuktikan dengan purata skor ujian klox, iaitu ia berada pada tahap kecewa sama ada purata skor berdasarkan jantina, pencapaian BAK dalam PMR atau skor keseluruhan. Jika dilihat pada pernyataan-pernyataan berkaitan bahasa dan kemahiran bahasa dalam buku teks, responden secara amnya memberikan penilaian mereka bahawa ia berada pada tahap sederhana ( $\text{min}=3.55$ ).

Aspek latihan bahasa juga antara yang disentuh oleh guru dalam temu bual yang dilakukan. Secara am semua pernyataan berkaitan aktiviti latihan berada pada tahap sederhana dengan purata nilai min yang diperoleh adalah sederhana tinggi. Hal ini bermakna aktiviti latihan yang terdapat dalam buku teks BAT Tingkatan Empat masih belum memuaskan. Dari lapan (8) item berkaitan aktiviti latihan, hanya satu memperoleh penilaian pada tahap tinggi dengan  $\text{min}=3.75$ . Item-item yang lain memperoleh min antara  $\text{min}=3.35$  hingga  $\text{min}=3.64$ . Dalam temu bual, secara am apa yang dinyatakan oleh guru berkaitan bentuk persembahan aktiviti latihan adalah sebahagiannya berbentuk satu aras, format tidak jelas, kurang sesuai dengan murid, kurang panduan pelaksanaan dan tidak menyeluruh.



Menurut Toiemah (1985) antara perkara yang perlu diberikan perhatian dalam penyusunan buku teks khususnya buku teks bahasa asing adalah kesesuaian kandungan dan persembahannya dengan masa pembelajaran, urutan kesukaran, penerimaan murid dan keupayaan pengetahuan dan kemahiran murid terhadap bahasa yang dipelajari. Perkara ini juga dibangkitkan oleh Abdul Halim (2002) dan Yūnus (2003) dengan menyatakan antara masalah sebahagian pembinaan buku teks bahasa Arab sebagai bahasa asing adalah kandungan isi pembelajaran yang terlalu padat, tidak mengikut urutan kesukaran, kurang mengambil kira latar belakang bahasa murid dan yang lebih kritikal kurang mengambil iktibar atau panduan berdasarkan kajian-kajian ilmiah yang telah dilakukan berkaitan pendidikan bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing.

Perkara ini perlu diberi perhatian memandangkan aspek persembahan isi kandungan serta aras bahasa yang digunakan dalam buku teks mempunyai pengaruh terhadap motivasi murid untuk membaca buku teks tersebut. Tinjauan terhadap kesediaan murid untuk membaca bahan bacaan yang panjang dan susah mengikut persepsi mereka, memperoleh nilai min yang rendah ( $\text{min}=2.01$ ), iaitu berada pada tahap lemah, iaitu 90% responden murid menyatakan mereka kurang setuju dan tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini menggambarkan satu sikap yang kurang memberangsangkan memandangkan buku teks BAT Tingkatan Empat adalah satu-satunya buku yang wajib digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab di SMKA. Hasil sikap negatif terhadap buku teks BAT Tingkatan Empat boleh dilihat pada skor ujian yang hanya memperoleh purata sebanyak 49%. Ia mungkin disebabkan oleh tahap kandungan yang padat dan aras yang agak tinggi serta aras bahasa yang tidak sesuai dengan keupayaan bahasa mereka.

Berhubung aspek latihan dalam buku teks yang dikaji pula, ia perlu diperbaiki persembahannya. Yūnus (2003) menegaskan aktiviti latihan sangat penting dalam membantu murid dan guru mengukur tahap kemajuan kemahiran bahasa yang dicapai serta menilai hasil pembelajaran yang diperoleh. Menurut Toiemah (1985) aktiviti latihan yang baik merupakan landasan yang perlu dilalui oleh murid bahasa asing sebagai satu cara untuk mengguna dan mempraktikkan kemahiran-kemahiran bahasa yang dipelajari, lebih-lebih lagi apabila peluang menggunakan bahasa asing sukar diperoleh di persekitaran luar bilik darjah atau sekolah. Garinger (2002) dan Miekley (2005) dalam kajiannya mendapati aspek aktiviti latihan perlu dijadikan antara perkara yang dinilai dalam menentukan sesebuah buku teks yang baik. Bukan sekadar itu, Ansari dan Babaii (2002) menjelaskan ia boleh meningkatkan tahap ketekunan dan perhatian pembaca terhadap isi yang dibaca seterusnya memudahkan mereka memahami isi kandungan. Oleh itu melalui persembahan dan pelaksanaan aktiviti latihan yang baik boleh mendorong motivasi murid memperbaiki tahap kemahiran bahasa yang dipelajari dan secara tidak langsung meningkatkan tahap kebolehbacaan buku teks yang digunakan.

Tahap sederhana persembahan teknikal yang diperoleh dari kajian ini khasnya berkaitan persembahan kandungan dan laras bahasa adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ishak (1993b) yang berpendapat antara masalah pembelajaran bahasa Arab di Malaysia adalah kandungan dan persembahan buku yang digunakan adalah kurang sesuai. Abdul Halim (2003) pula dalam kajiannya mendapati buku teks dari kurikulum al-Azhar adalah tidak atau kurang sesuai untuk latar belakang bahasa, budaya, kemampuan dan kecenderungan murid Malaysia. Manakala Ainon (2004) mendapati penggunaan buku teks BAK oleh murid berada pada tahap sederhana

khususnya dari aspek kefahaman, pembelajaran sendiri, teknik penulisan dan peningkatan pencapaian.

Satu dapatan sampingan penting yang perlu dibincangkan, diperoleh pengkaji melalui proses kajian rintis serta ia juga diutarakan oleh guru melalui temu bual bebas yang dilakukan. Melalui kajian rintis, pengkaji mendapati aspek manual guru bagi pelaksanaan buku teks yang sepatutnya antara yang dinilai tidak dapat disertakan dalam senarai semak yang disediakan kerana ia tidak wujud untuk dinilai. Perkara ini juga dibangkitkan dalam temu bual guru yang menyatakan perlu ada buku panduan pelaksanaan kandungan buku teks, khususnya kaedah pengajaran bagi aktiviti bahasa yang ada di dalamnya, penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai, pelaksanaan aktiviti latihan dan sebagainya. Hal ini sangat penting, menurut Toiemah (1985) dan Yūnus (2003) melalui manual ini guru mempunyai panduan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti bahasa berdasarkan sukatan yang telah digariskan.

Melalui satu kajian, Miekley (2005) berpendapat buku manual guru yang baik boleh membantu guru mengenal pasti kaedah pelaksanaan aktiviti-aktiviti bahasa terbaik bagi mencetuskan motivasi dan rasa minat serta memudahkan murid memahami bahan pembelajaran dengan lebih berkesan. Antara contoh yang boleh dilihat penyediaan manual yang amat berguna kepada guru dalam penggunaan buku teks semasa pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua adalah siri buku *Al-‘Arabiyyah lil-Nāsyī’in* yang disusun oleh Şīnī, ‘Abd al-‘Azīz dan Ḥusain (1983), buku *Ta’līm al-‘Arabiyyah li Ghayr al-Nāṭiqīn bihā: Al-Kitāb al-‘Asāsī* susunan Toiemah dan al-Nāqah (1984), dan buku *Al-Kitāb al-‘Asāsī fi Ta’līm al-Lughah al-‘Arabiyyah li Ghayr al-Nāṭiqīn bihā* susunan Yūnus dan Badawi (1985). Sehubungan itu sebahagian guru berpendapat ada beberapa topik dan aktiviti yang terdapat dalam buku teks yang agak

kabur perlaksanaannya, oleh itu melalui manual yang disediakan boleh membantu guru menyelesaikan masalah seperti ini.

Mahmoud (2007) menjelaskan buku teks bahasa kedua yang baik serta boleh menarik minat adalah apabila pelbagai ciri atau kriteria penilaian yang digariskan paling kurang mencapai purata 70% persetujuan guru penilai. Mahmoud (2007) serta Ansary dan Babaii (2002) menjelaskan buku teks bahasa kedua yang boleh menarik minat murid bukan sahaja melibatkan penyediaan buku teks murid yang baik dalam semua aspek yang digariskan, ia juga melibatkan penyediaan buku kerja dan buku panduan guru yang saling melengkapi bagi mendorong motivasi murid untuk menggunakan buku teks yang disediakan serta mempelajari isi kandungannya.

Justeru dari dapatan persembahan teknikal buku teks BAT Tingkatan Empat boleh dinyatakan bahawa aspek persembahan teknikal adalah salah satu aspek yang tidak boleh diketepikan dalam menilai kebolehbacaan buku teks bahasa asing, berdasarkan peranannya yang boleh mempengaruhi kebolehbacaan buku teks tersebut. Kriteria-kriteria yang dinilai dalam aspek ini saling berkaitan. Justeru ia perlu diberi perhatian secara menyeluruh bagi memastikan persembahan teknikal buku teks yang digubal boleh menarik minat dan motivasi murid untuk membaca dan mempelajarinya.

#### **5.4 Apakah Tahap Motivasi Murid Terhadap Bahan Bacaan Bahasa Arab?**

Dapatan kajian ini mendapati tahap motivasi murid-murid tingkatan empat di SMKA terhadap bahan bacaan bahasa Arab berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan 3.70. Ini menunjukkan bahawa secara amnya bahawa murid mempunyai motivasi yang tinggi untuk membaca bahan bacaan bahasa Arab. Dapatan ini tidak

selari dengan persepsi guru terhadap motivasi murid, iaitu berada pada tahap sederhana ( $\text{min}=3.26$ ). Namun ia selari dengan dapatan kajian-kajian lain yang berkaitan motivasi murid terhadap pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing khususnya di Malaysia. Dahab (1999) dan Misnan (1999) mendapati motivasi murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab adalah pada tahap tinggi. Manakala Nik Mohd. Rahimi (2005) juga memperoleh dapatan yang menunjukkan motivasi murid terhadap kemahiran mendengar berada pada tahap tinggi.

Dari tiga aspek yang ditinjau berkaitan motivasi murid, dua daripadanya berada pada tahap tinggi dengan memperoleh  $\text{min}=3.79$  bagi aspek bacaan ekstrinsik dan  $\text{min}=4.15$  bagi aspek kepentingan membaca. Bagi aspek bacaan intrinsik pula ia berada pada tahap sederhana dengan nilai  $\text{min}=3.17$ . Dalam aspek bacaan ekstrinsik didapati dorongan luaran murid untuk membaca bahan-bahan bahasa Arab adalah kuat serta banyak mempengaruhi tahap motivasi murid. Keadaan ini bersesuaian dengan pandangan Taylor et al. (1995) yang menyatakan nilai ekstrinsik sering kali berkesan bahkan mungkin hanya satu cara untuk memotivasikan murid yang tidak suka membaca. Manakala Lepper dan Greene (1978), dan Pintrich dan Schunk (1996) menegaskan hasil dari kajian dan pemerhatian mereka bahawa ganjaran ekstrinsik boleh digunakan sebagai merangsang motivasi dalaman seseorang untuk belajar.

Dari sudut lain, dapat dilihat juga empat dari lapan item berkaitan aspek ekstrinsik ini memperoleh nilai min antara 3.18 hingga 3.67, ia berada pada tahap sederhana. Daripada empat pernyataan yang sederhana ini dorongan kerjaya berkaitan kemahiran bahasa Arab adalah yang terendah, diikuti dorongan untuk mengenali gaya hidup dan budaya orang Arab, kemudian dorongan untuk mengikuti kelas bahasa Arab dan terakhir dorongan untuk belajar di negara Arab. Dorongan-dorongan ini tidak

mempunyai pengaruh yang cukup kuat dalam mendorong murid membaca bahan bacaan bahasa Arab. Manakala empat pernyataan yang berada pada tahap tinggi berkaitan dorongan Islam serta untuk menambah pengetahuan am melalui bahan bacaan. Hal ini menunjukkan pengaruh yang tinggi melalui faktor Islam serta dorongan untuk mengetahui perkembangan dunia luar dalam memotivasikan murid untuk membaca bahan bacaan bahasa Arab.

Dari pemerhatian ini, didapati dorongan luaran yang berada pada tahap tinggi berkisar kepada unsur-unsur keperibadian yang kurang melibatkan keperluan individu dalam kemasyarakatan. Hal ini bermakna motivasi ekstrinsik banyak dipengaruhi aspek memenuhi kepuasan peribadi murid berbanding unsur yang diperlukan untuk kehidupan bermasyarakat. Menurut Gilliland (1972) faktor ekstrinsik ini kerap dimanipulasikan bagi menggalakkan pembelajaran dan melakukan tugas secara berterusan. Oleh itu, dorongan-dorongan ini khususnya yang berada pada tahap tinggi perlu dimanipulasi dalam meningkat keinginan dan motivasi murid untuk membaca bahan bacaan bahasa Arab sama ada dengan penyediaan bahan bacaan berkaitan aspek tersebut, aktiviti-aktiviti membaca dan sebagainya.

Dari aspek kepentingan membaca didapati kesemua pernyataan berkaitan aspek ini memperoleh nilai min pada tahap tinggi, iaitu antara min=3.99 hingga min=4.37. Dapatan ini menunjukkan murid tingkatan empat di SMKA secara am, mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan membaca bahan bacaan bahasa Arab termasuklah buku teks BAT Tingkatan Empat. Al-Nāqah (1985) menjelaskan murid yang menyedari kepentingan membaca khususnya bahasa asing boleh mendorong murid meningkatkan penguasaan mereka terhadap kemahiran bahasa yang dipelajari. Berdasarkan kajian Mori (2002) dan Nishino (2005) terhadap murid Jepun dalam

mempelajari bahasa Inggris mendapati persepsi murid yang tinggi terhadap kepentingan bahasa asing mendorong murid memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang mereka ada dalam mempelajari bahasa asing. Oleh itu perlu diberi perhatian terhadap persepsi murid terhadap kepentingan membaca bahasa Arab yang melibatkan faktor Islam, globalisasi, pendidikan, pengetahuan dan keperluan yang boleh dimanipulasikan untuk meningkatkan tahap kemahiran membaca murid.

Aspek terakhir dalam bahagian motivasi ini adalah aspek bacaan intrinsik murid. Dapatan kajian ini menunjukkan ia berada pada tahap sederhana dengan nilai  $\text{min}=3.17$ . Hal ini bermakna dorongan dalaman murid tidak cukup kuat dalam mempengaruhi keinginan untuk membaca bahan bacaan bahasa Arab. Hanya empat pernyataan item yang berada pada tahap tinggi, manakala lima item berada pada tahap sederhana tinggi, lima item lain berada pada tahap sederhana rendah dan satu item berada pada tahap rendah. Pernyataan yang mendapat nilai min yang rendah, iaitu  $\text{min}=2.01$  dengan 89.9% responden kurang dan tidak setuju untuk membaca bahan bacaan bahasa Arab sekiranya mereka merasakan teks bacaan itu panjang dan susah. Manakala pernyataan-pernyataan yang berada pada tahap sederhana rendah, iaitu min antara 2.46 hingga 2.80 ini juga adalah berkaitan tanggapan murid terhadap bahan-bahan bacaan, antara 73.1% hingga 87.1% responden kurang dan tidak setuju untuk membaca pelbagai bahan bacaan bahasa Arab.

Dapatan ini menunjukkan dorongan luaran yang tinggi tidak bermakna boleh mencetuskan tahap dorongan dalaman yang tinggi. Dapat diandaikan kemungkinan dorongan luaran yang sederhana untuk membaca bahan-bahan bahasa Arab disebabkan beberapa punca. Berdasarkan perbincangan aspek-aspek di atas, keadaan ini mungkin berpunca daripada tahap penguasaan bahasa murid berada yang pada tahap yang

rendah (skor ujian 49%). Kebanyakan bahan bacaan yang ada malah teks-teks yang terdapat dalam buku teks BAT Tingkatan Empat mempunyai ciri-ciri bahasa yang kompleks serta sukar bagi tahap keupayaan bahasa mereka. Selain itu elemen kerjaya, tempat belajar, mengenali budaya masyarakat Arab dan prospek subjek bahasa Arab yang merupakan aspek dorongan luaran murid yang sederhana, sedikit banyak boleh menyebabkan murid kurang bermotivasi untuk membaca bahan bacaan bahasa Arab.

Gambaran ini bertepatan dengan pemerhatian Deci (1980) yang mendapati jika aktiviti pembelajaran tidak dapat mencetuskan rasa kawalan murid terhadap hasil pembelajaran yang bakal diperolehi, murid tidak akan bermotivasi untuk melakukan aktiviti tersebut. Berasaskan motivasi intrinsik yang kurang memuaskan ini, ia boleh dinilai berdasarkan reaksi tingkah laku mereka dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Keadaan ini mungkin menjadi asas penilaian guru terhadap motivasi murid yang dianggap sederhana. Hal ini agak kurang menggalakkan kerana menurut Klare (1969) motivasi dalaman penting bagi menentukan pencapaian seseorang. Schunk (1991) pula menyatakan motivasi yang tinggi boleh mempengaruhi apa, bila dan bagaimana seseorang itu belajar. Gilliland pula menegaskan sumber yang kuat mempengaruhi motivasi seseorang itu datang dari dalam diri sendiri. Malah Alderson (2000) menyatakan jika motivasi intrinsik dapat ditingkatkan dalam diri seseorang untuk membaca sesuatu bahan bacaan, tahap kefahaman akan bertambah baik serta aras kesukaran teks yang dibaca dapat dikurangkan. Justeru usaha untuk meningkat motivasi intrinsik murid terhadap bacaan bahan-bahan berbahasa Arab, faktor-faktor yang telah dibincang di atas perlu diberi perhatian.



Dapat dirumuskan secara am tahap motivasi murid tingkatan empat di SMKA terhadap membaca bahan bacaan bahasa Arab berada pada tahap tinggi. Aspek-aspek dalam motivasi intrinsik, ekstrinsik dan kepentingan membaca perlu dimanipulasi bagi meningkatkan tahap keupayaan membaca murid. Namun perlu juga diberi perhatian terhadap aspek-aspek yang berada pada tahap sederhana dan lemah supaya ia berada pada tahap tinggi kerana dikhuatiri beberapa dorongan dalaman dan luaran murid yang sederhana dan lemah boleh mempengaruhi tindakan mereka semasa pembelajaran bahasa Arab dan pencapaian terhadap kemahiran-kemahiran bahasa yang dipelajari.

#### **5.5 Apakah Tahap Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat?**

Sebagai hasil ujian klotz yang dilakukan ke atas sampel murid tingkatan empat di SMKA di Semenanjung Malaysia, kajian ini mendapati purata skor bagi mengukur tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat adalah 49%, iaitu berada pada tahap kecewa yang melibatkan 96.47% dari keseluruhan responden. Hal ini bermakna majoriti responden berada pada tahap pembacaan kecewa terhadap teks-teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat. Hal ini menunjukkan teks-teks bacaan yang terdapat dalam buku teks tersebut tidak sesuai untuk kegunaan murid berkenaan sama ada untuk pembacaan bebas atau pengajaran. Gillet dan Temple (1994) menjelaskan ciri pembacaan atau kebolehbacaan kecewa ini adalah kefahaman pembaca yang lemah, kadar kelancaran yang perlahan dan tersekat-sekat dan banyak perkataan yang perlu dianalisis. Beliau juga menyatakan bentuk pembacaan bagi tahap ini adalah teks tersebut tidak sesuai untuk dijadikan tugas, penggunaannya sesuai untuk tujuan

diagnostik dan pemilihan sendiri untuk membacanya memerlukan kepada tahap minat dan motivasi yang tinggi.

Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan beberapa kajian kebolehbacaan buku teks dalam bidang lain, antaranya Harris-Sharples (1983) mendapati tahap kebolehbacaan buku teks subjek sains sosial dan sains adalah tinggi berbanding purata pencapaian murid. Manakala Daniels (1996) melalui ujian klotz mendapati kebolehbacaan buku teks sains berada pada tahap kecewa. Begitu juga kajian Syaqrān (1992) dan Rawāsyidah (1995) bagi beberapa buku teks bahasa Arab di Jordan yang berada pada tahap kecewa. Selain itu, Yaacob (1998) yang menggunakan formula Khadijah Rohani dan ujian klotz mendapati tahap kebolehbacaan buku teks Geografi Tingkatan Empat lebih rendah daripada tahap bahasa murid. Namun, Giannangelo dan Kaplan (1992) pula dalam kajian ke atas buku teks pengajian sosial melalui formula Raygor memperoleh dapatan sebaliknya, iaitu buku-buku yang digunakan sesuai dan sepadan dengan tahap pembelajaran yang ditawarkan. Begitu juga kajian-kajian oleh al-Şūrī (1986), Jad'ān (1989) dan Naqrasy (1991) ke atas beberapa buku teks berbahasa Arab di Jordan yang di dapati sesuai dengan tahap murid.

Jika ditinjau taburan skor ujian mengikut jantina, latar belakang BAK dalam PMR 2006 dan teks-teks ujian, didapati purata skor yang diperoleh tidak ada perbezaan yang ketara antara setiap pemboleh ubah tersebut. Skor-skor yang diperoleh adalah antara 47% dan 51%, iaitu semuanya berada pada tahap kecewa. Berdasarkan maklumat kajian 43.58% responden memperoleh gred A bagi subjek BAK dalam PMR 2006 dan semasa kajian dijalankan majoriti responden telah mempelajari teks A yang diuji. Namun skor ujian yang diperoleh tidak menunjukkan kesan yang jelas pengaruh latar belakang pencapaian BAK dalam PMR dan pengetahuan sedia ada berkaitan unsur

linguistik teks. Dalam kajian Hewitt dan Homan (2004) yang berkaitan kebolehbacaan item ujian, mereka menyimpulkan murid tidak memahami item ujian berpunca daripada masalah pembacaan bukan ketinggalan dalam pengetahuan kandungan yang diuji.

Dapatan ini juga didapati bertepatan dengan kajian Naqras (1991) yang mendapati tidak ada perbezaan skor kebolehbacaan buku teks antara jantina. Namun kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Marsh, Smith, dan Barnes (1985), dan Abū Hilāl dan Atkinson (1990) yang menunjukkan perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap pencapaian akademik. Williams et al. (2002) pula mendapati terdapat perbezaan skor ujian klox antara penutur dan bukan penutur bahasa Inggeris serta antara murid lama dengan yang baru dalam mengukur kebolehbacaan bidang perakaunan. Begitu juga Toiemah (1978) yang mendapati terdapat perbezaan skor antara teks yang diuji berdasarkan pengalaman pengetahuan unsur linguistik murid terhadap teks yang diuji.

Hal ini mengukuhkan lagi petunjuk perbincangan sebelum ini yang mendapati selain masalah pemilihan teks-teks bacaan yang sesuai, faktor keupayaan pengetahuan bahasa Arab dan kemahiran membaca bahasa Arab murid menjadi persoalan di samping persepsi murid terhadap prospek pembelajaran bahasa Arab. Andaian ini bertepatan dengan pendapat Chebat et al. (2003) berdasarkan kajiannya yang mendapati faktor kebolehan linguistik lebih dominan mempengaruhi kebolehbacaan teks berbanding motivasi. Malah motivasi akan menjadi rendah apabila unsur-unsur linguistik teks mengatasi kebolehan linguistik murid.

#### **5.6 Sejauh Manakah Hubungan antara Motivasi dengan Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat?**

Berdasarkan analisis korelasi yang dilakukan, hubungan antara motivasi murid terhadap membaca buku teks BAT Tingkatan Empat dengan skor kebolehbacaan adalah tidak signifikan dengan nilai  $r=0.309$ . Hal ini bermakna tidak ada hubungan secara langsung antara dua pemboleh ubah ini. Arah hubungan pula menunjukkan hubungan yang negatif iaitu  $r=-.051$ . Hal ini jelas dapat dilihat melalui dapatan tahap motivasi dan skor kebolehbacaan yang bersifat kontra, iaitu antara tahap motivasi yang tinggi serta skor kebolehbacaan pada tahap kecewa yang diperoleh responden kajian. Dapatan ini bercanggahan dengan dapatan yang diperoleh dalam kajian Dahab (1999) dan Nik Mohd. Rahimi (2005) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan dengan pencapaian murid. Selain itu, dapatan juga menunjukkan dalam kajian ini motivasi murid tidak memainkan peranan dalam meningkatkan tahap kebolehbacaan buku teks yang dikaji sebagaimana yang telah ditegaskan oleh ramai sarjana, antaranya Day (1994), DuBay (2002), Marohaini (1999), Schunk (1991), dan Toiemah (1985) yang menyatakan motivasi merupakan antara faktor penting meningkatkan tahap pembacaan seseorang dan kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan. Situasi ini mengukuhkan lagi andaian sebelum ini bahawa kelemahan latar belakang pengetahuan dan kemahiran bahasa murid adalah faktor dominan yang perlu diberi perhatian serius.

#### **5.7 Sejauh Manakah Hubungan antara Pencapaian Bahasa Murid dengan Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat?**

Pencapaian bahasa dalam kajian ini dirujuk kepada tahap pencapaian BAK murid dalam peperiksaan PMR 2006. Peperiksaan itu boleh menggambarkan tahap pencapaian

murid terhadap objektif pembelajaran BAK yang telah digariskan oleh KPM. Melalui pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab yang dicapai pada peringkat menengah rendah diharap dapat membantu murid meneruskan pembelajaran bahasa Arab ke peringkat seterusnya. Majoriti SMKA di Malaysia memilih mata pelajaran BAT untuk pembelajaran bahasa Arab pada peringkat menengah atas. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah melakukan analisis korelasi antara pencapaian bahasa Arab murid berdasarkan pencapaian BAK dalam PMR 2006 dengan skor kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat yang dicapai oleh murid.

Hasil analisis yang dilakukan menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara pencapaian bahasa murid dengan kebolehbacaan buku teks yang dikaji dengan nilai  $r=0.708$  dengan arah hubungan yang negatif. Hal ini bermakna tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan latar belakang pencapaian bahasa murid, selain itu hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah pula bersifat kontra. Hal ini jelas dapat dilihat kepada taburan skor kebolehbacaan mengikut pencapaian BAK (jadual 4.23, bab IV) yang menunjukkan tidak ada perbezaan skor antara responden berpencapaian cemerlang, sederhana dan lemah iaitu semua pada aras kecewa iaitu skor antara 47% hingga 52%. Dapatan ini bercanggah dengan pandangan beberapa pengkaji seperti Chebat et al. (2003), Dubay (2002), Johnson (2000), Soyibo & McKenzie-Briscoe (1998), dan Wright & Stenner (1998) yang menyatakan pencapaian bahasa seseorang boleh mempengaruhi tahap pembacaan dan seterusnya tahap kebolehbacaan sesebuah teks yang dibaca.

Dari sudut lain, satu perkara yang perlu diberikan perhatian adalah sama ada skor kebolehbacaan yang rendah ini disebabkan oleh teks yang terlalu sukar untuk tahap murid atau murid sendiri tidak mencapai tahap pengetahuan dan kemahiran

bahasa yang diharapkan. Dalam temu bual bersama guru, sebahagian guru berpendapat teks-teks yang disediakan tidak sesuai dengan tahap keupayaan bahasa murid dengan menyifatkan aras bahasa terlalu tinggi, aras kandungan seperti melompat daripada tahap sebelumnya dan teks kurang sesuai dengan murid. Sehubungan ini, menurut Lepper dan Hodell (1989), Toiemah (1985) dan Yūnus (2003) seharusnya aras buku teks yang digunakan untuk pembelajaran seharusnya melebihi dari tahap bahasa murid bahkan mencabar tahap keupayaannya, supaya berlaku keinginan untuk mempelajari dan menambah kemahiran dan maklumat baru dari buku teks yang disediakan. Justeru untuk mengatakan teks-teks yang disediakan terlalu tinggi dengan tahap murid mungkin agak keterlaluan jika ditinjau kepada sukatan dan objektif pembelajaran BAK peringkat menengah rendah yang seharusnya daripadanya murid sudah mempunyai tahap keupayaan bahasa yang sesuai dengan tahap pembelajaran peringkat menengah atas.

Dari aspek yang lain, jika ditinjau kepada pelaksanaan ujian klox sebagaimana telah dijelaskan dalam Bab III, ujian klox yang dibina berasaskan aneka jawapan pilihan. Murid diberikan tiga perkataan untuk dipilih jawapan yang betul dan sesuai untuk melengkapi teks yang telah dikosongkan pada setiap perkataan yang ketujuh. Malah didapati teks A telahpun dipelajari oleh majoriti responden semasa kajian dijalankan. Namun purata skor teks A tidak menunjukkan perbezaan dengan skor teks B dan teks C (lihat jadual 4.22, Bab IV), di samping itu responden yang terlibat pula terdiri daripada 43.58% memperoleh gred A dan 26.20% gred B bagi subjek BAK dalam PMR 2006. Boleh diandaikan bahawa walaupun pencapaian BAK dalam PMR memuaskan, namun tahap pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab murid sama ada berkaitan perbendaharaan kata, tata bahasa dan morfologi tidak mencapai sasaran objektif yang digariskan. Isu

kelemahan bahasa Arab dalam kalangan murid telah lama diperkatakan. Kelemahan-kelemahan itu berkaitan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran bahasa sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Antara mereka yang terlibat seperti Abdul Hamid dan Embong (1993), Anwar Zainal (1993), Hj Faisal (1993), Kamarulzaman (2002), Mohd Zawawi (2004), Nik Mohd. Rahimi (2005), Osman Khalid (1993), Salma Endut (2003), dan Zawawi (2001).

Pengetahuan bahasa dan kemahiran menggunakannya adalah penting khususnya untuk membaca pada peringkat yang lebih tinggi. Menurut Rupley dan Blair (1989), dan Harris dan Sipay (1990) kebolehan membaca atau keupayaan berbahasa dirujuk kepada pengetahuan berkaitan perkataan dan ayat sesuatu bahasa yang dipelajari serta kemahiran berkaitan pengaplikasiannya dalam konteks tata bahasa bahasa yang dibaca. Chebat et al. (2003) dalam kajiannya mendapati pembaca akan menumpukan kepada kesukaran perkataan dan ayat apabila membaca sesebuah teks yang kompleks untuk difahami. Apabila sesebuah teks sukar dibaca, individu yang mempunyai keupayaan linguistik yang lemah akan menunjukkan tahap kefahaman yang rendah. Berdasarkan perbincangan ini, ia mengukuhkan lagi andaian sebelum ini yang mendapati masalah tahap keupayaan bahasa murid yang terlalu rendah adalah faktor lebih dominan berbanding faktor-faktor lain yang mempengaruhi skor kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat.

#### **5.8 Sejauh Manakah Hubungan antara Pengetahuan Sedia Ada Murid Berkaitan Topik Teks Bacaan dengan Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat?**

Analisis korelasi kajian ini antara pengetahuan sedia ada murid berkaitan topik teks bacaan dengan kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat mendapati tidak

terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ini dengan nilai  $r=0.302$ . Dapatan ini menunjukkan, walaupun tahap pengetahuan murid berkaitan topik teks-teks bacaan yang dikaji adalah sederhana namun ia tidak ada hubungan secara langsung dengan tahap skor kebolehbacaan murid yang rendah. Hal ini bermakna dalam konteks kajian ini, pengetahuan sedia ada murid tidak membantu meningkatkan tahap pembacaan murid dan seterusnya kebolehbacaan buku teks yang dikaji. Dapatan analisis ini bercanggah dengan dapatan dan pandangan pengkaji-pengkaji sebelum ini seperti Klare (1969), Commander (1985), Pettersson (1993), Soyibo dan McKenzie-Briscoe (1998), Pikulski (2002), dan Venable (2003) yang menegaskan peranan pengetahuan sedia ada terhadap keupayaan memahami teks yang dibaca seterusnya mempengaruhi tahap kebolehbacaan teks yang dibaca.

Kajian ini juga menunjukkan tahap kandungan pengetahuan teks-teks buku teks BAT Tingkatan Empat bersesuaian dengan saranan para sarjana antaranya Lepper dan Hodell (1989), Toiemah (1985) dan Yünus (2003) yang menyatakan tahap kandungan buku teks perlu menyediakan aktiviti yang menimbulkan perasaan ingin tahu, ia perlu mencabar pengetahuan sedia ada murid dan apa yang dipegangi oleh murid serta menjadikan murid berusaha untuk mendapat maklumat selanjutnya. Hewitt dan Homan (2004) dalam kajiannya berkaitan kebolehbacaan item ujian, menunjukkan murid tidak memahami item ujian berpunca daripada masalah pembacaan, bukan ketinggalan dalam pengetahuan kandungan yang diuji. Berpandukan pandangan-pandangan sarjana sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, andaian bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran bahasa murid yang lemah sebagai faktor dominan selain faktor-faktor yang telah dibincangkan adalah berasas.



## **5.9 Rumusan Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Kajian**

Rumusan yang dapat dibuat melalui kajian ini adalah kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat adalah pada tahap kecewa khususnya pada teks-teks bacaan. Oleh itu teks-teks yang dijadikan bahan pembelajaran buku teks tersebut tidak sesuai untuk digunakan oleh murid sasaran sama ada untuk kegunaan aktiviti pembacaan bebas ataupun pengajaran. Manakala berkaitan soalan-soalan kajian, rumusan dilakukan berdasarkan sub-sub tajuk berikut:

### **5.9.1 Rumusan Kriteria Linguistik**

Dalam konteks kajian ini, kriteria-kriteria linguistik yang dikenal pasti mempunyai kekuatan yang tinggi dalam menentukan kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat adalah ciri ayat kompleks yang merupakan ayat panjang hasil gabungan ayat-ayat sintaksis mudah dalam satu ayat. Kekerapan ayat kompleks yang mempunyai purata penggunaan ayat mudah sebanyak tujuh (7) ayat mempunyai pertalian yang tinggi dengan isi atau kandungan yang terdapat di dalamnya. Di samping ciri ayat kompleks, bentuk ayat yang tidak biasa digunakan oleh murid asing khususnya murid Melayu, iaitu ayat kata kerja sama ada ayat panjang atau pendek juga mempunyai pertalian yang agak kuat mempengaruhi kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat. Selain itu ciri yang mempunyai pertalian yang kuat dengan ayat kompleks dan isi adalah beberapa ciri pada perkataan, iaitu binaan kata (berderivasi dan berimbuhan), kata membawa makna abstrak dan kata klausa. Oleh itu ciri linguistik yang perlu diambil kira dalam menilai tahap kebolehbacaan buku teks peringkat menengah atas

adalah ayat kompleks, isi, ayat panjang kata kerja dan perkataan-perkataan berderivasi, berimbuhan, kata abstrak dan kata klausa. Oleh itu, bagi membina formula kebolehbacaan teks Arab untuk penutur asing, ciri-ciri ini berpotensi untuk menjadi asas ukurannya. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan dalam membaca teks bahasa Arab sebagai bahasa asing oleh murid Malaysia khususnya Melayu, tahap pengetahuan dan kemahiran sistem bahasa Arab boleh mempengaruhi kefahaman mereka terhadap teks yang dibaca seterusnya boleh menentukan tahap kebolehbacaan teks yang dibaca. Berdasarkan analisis linguistik dan pandangan guru BAT Tingkatan Empat dalam temu bual, dapat dirumuskan aras bahasa yang terdapat dalam teks-teks bacaan buku teks BAT Tingkatan Empat yang melibatkan beberapa ciri pada ayat, isi dan perkataan melampaui tahap pengetahuan dan kemahiran bahasa murid.

#### **5.9.2 Rumusan Kriteria Persembahan Teknikal**

Secara am boleh dirumuskan bahawa berdasarkan penilaian guru BAT Tingkatan Empat, persembahan teknikal buku teks BAT Tingkatan Empat berada pada tahap sederhana. Majoriti kriteria persembahan teknikal, iaitu gambaran am, persembahan kandungan, bahasa dan kemahiran bahasa, organisasi, aktiviti dan latihan, pengukuran dan motivasi murid berada pada tahap sederhana. Hanya satu kriteria yang dinilai berada pada tahap tinggi, iaitu reka bentuk fizikal, manakala satu kriteria berada pada tahap lemah, iaitu bahan tambahan. Berdasarkan dapatan ini, bermakna persembahan teknikal buku teks yang dikaji belum mencapai tahap yang memuaskan. Oleh itu peranan persembahan teknikal dalam meningkatkan kefahaman murid dan kebolehbacaan buku teks yang dikaji hanyalah sederhana. Berdasarkan penilain guru,

persembahan teknikal kurang memuaskan khususnya dalam persembahan kandungan yang padat berbanding masa yang diberi, aras kandungan yang agak tinggi, aras bahasa yang melangkaui keupayaan bahasa murid dan bentuk latihan yang kurang memotivasikan murid adalah antara yang utama yang ditekan oleh guru berbanding kriteria-kriteria lain dalam mempengaruhi murid meningkatkan tahap pembacaan mereka terhadap buku teks BAT Tingkatan Empat. Selain itu perkara yang penting perlu diberikan perhatian dalam membantu meningkatkan kefahaman murid terhadap isi pembelajaran, seterusnya meningkatkan kebolehbacaan buku teks bahasa Arab peringkat menengah atas adalah bahan-bahan bantuan tambahan yang dinilai sebagai lemah dan manual pelaksanaan aktiviti-aktiviti bahasa dalam buku teks untuk guru yang tidak dibekalkan.

### **5.9.3 Rumusan Motivasi Murid**

Berdasarkan persepsi murid, motivasi murid terhadap membaca buku teks BAT Tingkatan Empat berada pada tahap tinggi. Daripada tiga aspek motivasi yang ditinjau, aspek ektrinsik membaca dan kepentingan membaca berada pada tahap tinggi, manakala aspek bacaan intrinsik murid berada pada tahap sederhana. Tahap motivasi yang tinggi ini banyak dipengaruhi oleh dorongan luaran, iaitu faktor Islam dan aspek menambah pengetahuan am. Oleh itu faktor-faktor ini perlu dimanipulasikan agar dapat meningkatkan keinginan untuk membaca bahan-bahan berbahasa Arab. Dari sudut yang lain didapati dorongan luaran yang berkaitan kerjaya, mengenali budaya Arab, tempat belajar dan prospek subjek bahasa Arab berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan motivasi yang tinggi banyak dipengaruhi faktor-faktor luaran

berunsur keperibadian, manakala yang berkaitan dengan keperluan kemasyarakatan kurang mendapat perhatian murid. Walaupun secara am motivasi murid adalah tinggi, namun ia tidak disertakan dengan dorongan dalaman murid yang kuat, aspek intrinsik murid berada pada tahap sederhana. Sebahagian daripada ciri motivasi intrinsik ini memperoleh tahap lemah dan sederhana lemah. Ciri-ciri ini berkaitan dengan persepsi murid terhadap membaca bahan-bahan berbahasa Arab yang didapati agak lemah lebih-lebih lagi apabila mereka berasa teks atau bahan tersebut panjang dan susah khususnya dari aspek aras bahasa yang digunakan. Keadaan ini boleh mempengaruhi perlakuan serta tindak balas murid dalam proses pembelajaran BAT serta pembacaan buku teks yang boleh dilihat melalui penilaian guru terhadap motivasi murid yang dianggap pada tahap sederhana. Berdasarkan tinjauan ini, selain faktor-faktor yang kuat perlu dimanipulasikan, faktor-faktor lain juga khususnya yang sederhana dan lemah perlu diberi perhatian untuk ditingkatkan, agar ia juga berperanan membantu menggerakkan murid untuk lebih bersedia dan berminat untuk membaca serta memahami isi murid dan seterusnya meningkatkan tahap kebolehbacaan buku teks BAT yang digunakan.

#### **5.9.4 Rumusan Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat**

Keputusan ujian klotz yang dijalankan kepada murid-murid tingkatan empat untuk mengukur kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat yang digunakan, mendapati ia berada pada tahap kecewa. Tahap pembacaan kecewa terhadap buku teks BAT ini melibatkan majoriti murid. Dapatan ujian ini menunjukkan tahap kesukaran buku teks BAT Tingkatan Empat khususnya dari aspek aras bahasa jauh dari tahap keupayaan

bahasa murid yang sebenar, sama ada melibatkan jantina serta latar belakang pencapaian BAK dalam PMR yang dimiliki murid. Justeru penggunaan buku teks ini untuk pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab tahap pertama peringkat menengah atas adalah tidak sesuai sama ada untuk pengajaran juga pembacaan bebas. Walaupun persembahan teknikal buku teks dan pengetahuan sedia ada berkaitan topik-topik bacaan yang dinilai adalah sederhana, motivasi murid yang tinggi, dan pencapaian bahasa berdasarkan pencapaian BAK dalam PMR secara amnya pula adalah baik, didapati faktor linguistik lebih dominan mempengaruhi kebolehbacaan berbanding faktor-faktor tadi.


#### **5.9.5 Rumusan Hubungan antara Pemboleh Ubah dengan Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat**

Hasil analisis korelasi antara pemboleh ubah, iaitu motivasi murid, pencapaian bahasa dan pengetahuan sedia ada murid berkaitan topik-topik dalam teks-teks bacaan dengan skor kebolehbacaan yang diperoleh daripada ujian klotz mendapati tidak ada hubungan yang signifikan. Dapatan ini bermakna tidak ada hubungan secara langsung antara pemboleh ubah ini dengan skor kebolehbacaan. Perkara ini berlaku kemungkinan kerana skor ujian yang diperoleh terlalu rendah berbanding tahap yang dicapai murid dalam pemboleh-pemboleh ubah tak bersandar yang ditinjau. Namun terdapat beberapa ciri motivasi yang dipercayai boleh menunjukkan aras hubungan yang lebih bermakna sekiranya sampel teks yang dikaji lebih besar.

Selain itu, dapatan kajian ini juga memberi petunjuk terhadap andaian bahawa terdapat pemboleh ubah lain selain pemboleh-pemboleh ubah yang telah dikaji yang lebih dominan mempunyai hubungan dengan kebolehbacaan buku teks yang dikaji

dalam kalangan murid. Berdasarkan petunjuk-petunjuk yang diperoleh daripada analisis dapatan kajian serta pandangan para sarjana dalam tinjauan literatur yang telah dibincangkan dalam bab ini, dapat diandaikan pemboleh ubah tersebut adalah tahap pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab yang dimiliki murid. Walaupun objektif pembelajaran BAK pada peringkat menengah rendah sudah menggariskan tahap yang perlu dicapai oleh murid agar dapat meneruskan pembelajaran pada peringkat menengah atas, namun keupayaan bahasa Arab sebenar yang dimiliki kebanyakan murid adalah diragui walaupun sebahagian mereka cemerlang dalam PMR bagi subjek BAK.

Berikut adalah rajah model kriteria-kriteria kebolehbacaan dan hubungannya dengan kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat berdasarkan kajian ini.



Rajah 5.1. Pemboleh ubah kebolehbacaan dan hubungannya dengan kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat

### **5.10 Implikasi dan Cadangan**

Dapatan kajian ini telah menimbulkan implikasi-implikasi dan cadangan-cadangan yang membina kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) khususnya Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dalam menilai semula penyediaan buku teks BAT Tingkatan Empat secara khusus, juga buku-buku teks yang digunakan pada semua peringkat persekolahan secara am. Kajian ini juga secara tidak langsung menimbulkan pelbagai implikasi dan cadangan yang membina kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pendidikan bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing atau mana-mana pelajaran yang menggunakan medium bahasa Arab di Malaysia. Khususnya dalam menyediakan bahan-bahan pembelajaran yang digunakan sebagai teks pembelajaran sama ada pada peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Perbincangan mengenai implikasi dan cadangan adalah berdasarkan sub-sub topik berikut:

#### **5.10.1 Implikasi dan Cadangan Terhadap Kriteria Linguistik**

Berdasarkan kajian ini, didapati ciri-ciri linguistik yang mempunyai kekuatan dalam menentukan tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat adalah meliputi beberapa ciri pada ayat, isi dan beberapa ciri pada perkataan. Ciri-ciri linguistik yang telah dikenal pasti ini hampir semuanya berkaitan dengan sistem nahu (sintaksis) dan soraf (morfologi) bahasa Arab. Kriteria ayat ialah melibatkan struktur sintaksis mudah dalam ayat, ayat kata kerja, dan ayat panjang kata kerja dan kata nama. Kriteria isi pula mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan jumlah ayat sintaksis mudah dalam



ayat yang membentuk ayat kompleks (AK). Manakala ciri perkataan pula, iaitu yang mempunyai hubungan yang kuat dengan AK dan isi serta ayat abstrak atau balaghah adalah kata derivasi dan berimbuhan, kata abstrak dan kata klausa.

Dapatan juga mendapati aras kekerapan atau kepadatan penggunaan ciri-ciri linguistik yang dinyatakan tadi dalam teks-teks yang dikaji mengatasi tahap keupayaan bahasa Arab murid sehingga mereka berada pada tahap kecewa untuk membaca teks-teks yang disediakan. Keupayaan bahasa murid bukan sahaja bergantung kepada tahap pengetahuan mereka tentang sistem nahu dan soraf bahasa Arab, malah mereka juga didapati kurang pendedahan kepada aktiviti-aktiviti membaca pelbagai bahan bacaan bahasa Arab, menyebabkan mereka sukar memahami pelbagai gaya bahasa yang dipersembahkan dalam teks-teks bacaan dalam buku teks yang disediakan. Oleh itu berdasarkan implikasi-implikasi ini dicadangkan beberapa perkara sebagaimana berikut:

- (a) Dalam menyediakan bahan-bahan pembelajaran bahasa Arab di SMKA khususnya teks-teks bacaan dan buku-buku teks pada semua peringkat pembelajaran, pihak berkenaan perlulah mengenal pasti tahap keupayaan pengetahuan dan kemahiran bahasa yang dimiliki oleh murid sasaran melalui sistem penilaian yang lebih efisien dan tepat. Oleh sebab ia mempengaruhi motivasi murid untuk membaca teks pembelajaran yang disediakan, seterusnya boleh menentukan senang sukar teks yang disediakan.
- (b) Dari aspek kriteria linguistik dalam teks-teks yang disediakan, ia perlulah mempunyai aras bahasa yang mengambil kira ciri-ciri yang telah dikenal pasti dalam kajian ini dengan mengawal kekerapan serta kepadatan penggunaannya dalam menyampaikan isi atau kandungan mengikut peringkat pembelajaran. Sebagai contoh dari kajian ini, pengkaji mendapati senarai kata yang disediakan

oleh KPM dalam HSP sebagai panduan penulisan buku teks tidak menggunakan kriteria pemilihan perkataan yang disarankan oleh para sarjana atau pakar. Begitu juga bentuk struktur bahasa yang biasa digunakan tidak berpandukan bentuk-bentuk ayat yang dikenal pasti sebagai bentuk ayat popular atau lazim digunakan dalam buku-buku teks untuk pembaca bukan Arab. Justeru bagi memastikan penggunaan perkataan dan bentuk ayat dalam buku teks yang disediakan adalah mengikut aras yang sesuai dengan peringkat pembelajaran, penggunaan mana-mana senarai kata dan bentuk struktur ayat yang telah dikenal pasti oleh para pakar adalah perlu khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing seperti senarai kata ‘Abd al-Rahmān (1994) dan bentuk struktur ayat popular ‘Abd Wahhāb (1999).

- (c) Selain itu bagi memastikan murid mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran bahasa yang sesuai dengan tahap pembelajaran, seterusnya berkemampuan untuk mengaplikasi kemahiran-kemahiran bahasa khususnya dalam membaca, pembelajaran yang diikuti murid perlu dari awal lagi diterapkan pengetahuan asas-asas nahu dan şaraf bahasa Arab secara teratur dan konsisten. Pemeringkatan pembelajaran pengetahuan asas-asas nahu perlulah berdasarkan kesesuaiannya dengan konsep pembelajaran bahasa asing sebagaimana yang telah disarankan oleh ‘Abd Wahhāb (1999). Di samping itu perlu juga memperkaya aktiviti-aktiviti aplikasi kemahiran-kemahiran bahasa khususnya membaca dengan pendedahan pelbagai bahan bacaan yang mempunyai kandungan bahasa yang selaras dengan pemeringkatan tersebut.
- (d) Selain itu juga bagi membiasakan diri murid dengan pelbagai bentuk penggunaan perkataan dan gaya bahasa Arab, penyediaan pelbagai bahan

bacaan tambahan yang sesuai seperti buku-buku cerita, majalah-majalah atau buku-buku berkaitan Islam dan alam sekitar yang menggunakan bahasa yang mudah dan ringkas. Begitu juga boleh digiatkan pelbagai program penggalakan membaca bahan bacaan bahasa Arab seperti program membaca nilam yang dilaksanakan oleh KPM dalam program literasi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, program penulisan karangan ringkas berpanduan buku-buku bacaan tambahan yang dibekalkan, mendedahkan sebahagian kandungan dalam pendidikan Islam melalui bahasa Arab yang mudah dan sesuai dengan tahap bahasa murid atau program minggu membaca bahasa Arab secara berkala dengan memberikan penilaian terhadap penglibatan, kemahiran dan pencapaian yang diperoleh serta program intensif bagi murid yang tidak mencapai tahap yang digariskan.

- (e) Kriteria linguistik yang telah dikenal pasti kekuatannya ini mempunyai potensi yang baik untuk dijadikan asas dalam membina dan membangunkan sebuah formula kebolehbacaan teks-teks bahasa Arab untuk penutur asing. Usaha selanjutnya perlu dilakukan berdasarkan dapatan ini untuk mewujudkan satu lagi alat ukur yang lebih objektif selain ujian klotz yang digunakan sebelum ini. Sehubungan dengan itu, pihak yang berkenaan khususnya ahli akademik sama ada secara perseorangan mahupun berkumpulan atau organisasi perlulah membina alat ukur seperti formula kebolehbacaan untuk kegunaan pihak yang terlibat dengan penyediaan dan penggunaan bahan bacaan bahasa Arab khususnya bagi sasaran penutur bukan Arab dalam usaha meningkatkan tahap literasi dalam kalangan murid yang berpaksikan medium bahasa Arab.

### 5.10.2 Implikasi dan Cadangan Terhadap Kriteria Persembahan Teknikal

Berdasarkan penilaian guru, persembahan teknikal buku teks BAT Tingkatan Empat pada keseluruhannya berada pada tahap sederhana, iaitu kurang memuaskan. Walaupun kajian ini menunjukkan tidak terdapat hubungan secara langsung antara persembahan teknikal dengan skor kebolehbacaan, namun tidak dinafikan berdasarkan tinjauan literatur persembahan teknikal ini berperanan membantu pembaca memahami kandungan yang hendak disampaikan serta meningkatkan motivasi pembaca, seterusnya memberi kesan terhadap kebolehbacaan buku teks yang disediakan. Oleh itu pihak-pihak berkenaan yang terlibat dengan penyediaan buku teks perlu menilai kembali persembahan teknikal buku buku-buku teks yang dibekalkan. Ia juga perlu diberi perhatian oleh mana-mana pihak yang menyediakan buku teks bahasa Arab untuk murid bukan Arab dalam sistem pendidikannya. Antara perkara ketara yang perlu diberi perhatian adalah tahap kepadatan isi kandungan pembelajaran, aras kesukaran kandungan, urutan kesukaran kandungan, aras kesukaran bahasa, bentuk latihan, bahan-bahan bantuan tambahan dan buku manual guru. Aspek-aspek ini mempunyai peranan dalam menentukan kebolehbacaan buku teks sama ada membantu memudahkan pemahaman, menarik minat serta meningkat motivasi murid. Berdasarkan implikasi tersebut, beberapa perkara berikut dicadangkan:

- (a) Perlu dipastikan kesesuaian kepadatan isi kandungan buku teks dengan masa pembelajaran yang diperuntukkan dalam seminggu. Sama ada isi kandungan dikurangkan ataupun masa pembelajaran ditambah daripada 160 minit seminggu kepada 200 atau 240 minit seminggu. Di samping itu perlu juga diberi perhatian aras kesukaran kandungan yang dipersembahkan agar jarak aras

kesukaran antara satu peringkat pembelajaran dengan peringkat yang lain tidak terlalu jauh. Sebagai contoh antara yang disentuh oleh para guru adalah kandungan buku teks BAT peringkat menengah yang agak terkehadapan atau seolah-olah melompat berbanding kandungan pembelajaran peringkat menengah rendah khususnya dalam topik-topik seperti nahu, şaraf, balaghah dan sastera Arab.

- (b) Selain aras kandungan, urutan kesukaran bahasa dan kandungan yang dipersembahkan perlu juga dititikberatkan. Penyusunan buku teks perlu mengambil kira kesediaan murid untuk menerima maklumat baru khususnya bahasa asing yang dipelajari supaya tidak timbul rasa kejutan bahasa dan kandungan yang boleh mematahkan motivasi dan keinginan murid mengikuti pelajaran yang disediakan. Akhirnya buku teks yang disediakan bukan sahaja tidak membantu malah boleh membebankan murid. Oleh itu urutan persembahan kandungan sama ada dalam aspek aras bahasa dan juga aras kandungan perlu diberi perhatian.
- (c) Pelbagai latihan dan aktiviti pengayaan dan pengukuhan bahasa perlulah mengambil kira kecenderungan dan keperluan murid. Penekanan boleh ditonjolkan dalam bentuk yang boleh membantu guru dan juga murid mengenal pasti kelemahan murid terhadap konsep dan kemahiran bahasa yang dipelajari. Bentuk latihan dan aktiviti yang baik juga adalah apabila ia dapat meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran bahasa murid mengikut urutan keutamaan dan kesukaran. Selain itu latihan dan aktiviti yang baik boleh meningkatkan motivasi murid untuk mengikuti pembelajaran seterusnya.

- (d) Suatu perkara yang sangat perlu dalam pembelajaran bahasa asing adalah mewujudkan persekitaran bahasa yang boleh membantu meningkatkan penguasaan bahasa yang dipelajari. Dalam konteks membaca, untuk mencapai objektif penguasaan membaca pelbagai bahan bacaan, bahan-bahan bantuan tambahan untuk aktiviti kemahiran membaca amat perlu dibekalkan di samping buku teks yang disediakan. Oleh itu usaha mewujudkan dan membekalkan bahan-bahan bacaan tambahan yang sesuai seharusnya diberi perhatian. Begitu juga menyediakan bahan-bahan audio-visual bagi mendedahkan murid dengan pelbagai corak dan gaya bahasa Arab bermula dari peringkat pendidikan asas, seterusnya menengah rendah hinggalah pada peringkat yang lebih tinggi, iaitu peringkat menengah atas.
- (e) Penyediaan manual penggunaan buku teks untuk guru sangatlah perlu diberi perhatian. Melalui buku panduan dan langkah-langkah pelaksanaan segala aktiviti bahasa dalam buku teks sama ada kaedah pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, pelaksanaan latihan, aktiviti tambahan dan sebagainya, boleh membantu dan memudahkan guru menyesuaikan aktiviti-aktiviti yang disediakan dengan kaedah-kaedah yang dicadangkan serta mengikut kesesuaian murid. Bukan sahaja untuk peringkat menengah atas malah pada semua peringkat persekolahan. Perkara ini telahpun dilakukan oleh pihak yang pakar dalam pengajaran bahasa asing sebagaimana yang dilakukan dalam siri buku *Al-'Arabiyyah lil-Nāsyī'īn* susunan Şīnī et al. (1983), buku *Ta'lim al-'Arabiyyah li Ghayr al-Nāṭiqīn bihā: al-Kitāb al-'Asāsī* susunan Toiemah dan al-Nāqah (1984), dan buku *Al-Kitāb al-'Asāsī fī Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah li Ghayr al-Nāṭiqīn bihā* susunan Yūnus dan Badawi (1985).

### 5.10.3 Implikasi dan Cadangan Terhadap Motivasi Murid

Kajian ini mendapati motivasi murid terhadap buku teks BAT Tingkatan Empat dan bahan bacaan bahasa Arab berada pada tahap tinggi. Namun disebabkan skor kebolehbacaan yang diperoleh murid adalah rendah, didapati tidak terdapat hubungan secara langsung antara motivasi murid dengan tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan motivasi intrinsik murid berada pada tahap sederhana, malah murid kurang terdorong untuk membaca teks bahasa Arab sekiranya mereka berasa teks tersebut panjang dan susah. Hal ini boleh memberi kesan terhadap tingkah laku murid dalam kelas BAT, secara am guru beranggapan motivasi murid terhadap membaca buku teks BAT Tingkatan Empat pada tahap sederhana. Perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak berwajib antaranya pihak sekolah supaya dorongan dalaman murid yang lemah atau sederhana ini tidak mengatasi aspek ekstrinsik murid dan persepsi murid terhadap kepentingan membaca bahasa Arab yang tinggi. Selain penumpuan kepada aspek yang mempunyai nilai persepsi yang tinggi khususnya hal-hal berkaitan keperibadian seperti dorongan Islam dan dorongan untuk menambah pengetahuan am, aspek-aspek luaran sangat perlu ditingkat khususnya dorongan keseronokan membaca bahan bacaan bahasa Arab dan dorongan prospek masa depan subjek bahasa Arab dalam alam kerjaya. Implikasi ini mencetuskan beberapa cadangan sebagaimana berikut:

- (a) Dalam menyediakan buku teks bahasa Arab pada semua peringkat pembelajaran, baik pihak KPM mahupun sekolah-sekolah yang terlibat perlu memastikan bahan-bahan pembelajaran dalam buku teks yang disediakan boleh menarik minat murid sama ada dari aspek kandungan yang bersifat semasa

dengan isu-isu remaja, mencabar minda dan pengetahuan, mengambil kira kecenderungan murid, reka bentuk dan susun atur yang menarik, laras bahasa yang sesuai dengan tahap bahasa murid dan meningkatkan keyakinan murid terhadap kepentingan dan prospek bahasa Arab untuk masa depan mereka. Selain dari aspek ini, aspek lain seperti pemilihan bentuk dan saiz tulisan, warna, glosari, ringkasan kandungan, ilustrasi, peta minda, jadual, contoh, aktiviti pengukuhan dan pengayaan dan sebagainya yang sesuai dengan aktiviti bahasa yang dipelajari perlu juga dititikberatkan. Sebagaimana yang disarankan oleh Mahmoud (2007) dan Ansary dan Babaii (2002), iaitu buku teks bahasa kedua yang mencapai paling kurang 70% daripada penilaian guru boleh dianggap baik. Bukan itu sahaja, bagi meningkatkan tarikan murid serta motivasi menggunakan buku teks dan membaca isi kandungannya, buku kerja murid serta buku panduan guru yang baik juga perlu diberi perhatian.

- (b) Bahan-bahan pembelajaran tambahan yang perlu dibekalkan juga perlulah bersifat mesra dan menarik minat murid. Sebagai contoh bahan-bahan tambahan ini dipersembahkan dalam bentuk permainan bahasa seperti kuiz, teka silang kata, interaksi dua hala, peraduan, kerja lapangan dan sebagainya dalam bentuk buku kerja atau cakera padat. Begitu juga dengan persembahan kandungan bahan-bahan ini perlulah mengikut urutan dan aras bahasa murid serta reka bentuk fizikal yang menarik dan sesuai, serta apa yang lebih penting ia berupa aktiviti pengayaan dan pengukuhan serta membantu murid meningkatkan kefahaman dan penguasaan bahasa Arab yang dipelajari melalui buku teks yang disediakan.



- (c) Mewujudkan suasana pembelajaran bahasa Arab yang kondusif dan kompetitif bagi mendorong motivasi semua peringkat dan tahap murid untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam pengetahuan dan kemahiran-kemahiran bahasa Arab khususnya membaca, serta memberi keyakinan yang lebih tinggi dan peluang yang lebih luas dalam mempraktikkan kemahiran bahasa yang dipelajari. Suasana pembelajaran yang diwujudkan adalah dalam pelbagai bentuk sama ada aktiviti-aktiviti wajib yang dinilai, aktiviti-aktiviti ko-kurikulum, atau dalam bentuk memperluas prospek keperluan kemahiran bahasa Arab pada peringkat pengajian tinggi mahupun pekerjaan.

#### **5.10.4 Implikasi dan Cadangan Terhadap Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat**

Tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat berada pada tahap kecewa dalam kalangan murid sasaran. Hal ini bermakna tahap pembacaan dan kemampuan murid untuk membaca buku teks BAT Tingkatan Empat adalah mengecewakan. Hal ini menggambarkan pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab murid khususnya membaca teks-teks dalam buku teks yang dikaji adalah rendah. Tahap yang mengecewakan ini melibatkan majoriti murid sasaran tanpa mengira latar belakang jantina mahupun pencapaian BAK murid dalam PMR. Daripada dapatan kajian ini terhadap pemboleh-pemboleh ubah tak bersandar, boleh dirumuskan aras kesukaran buku teks BAT Tingkatan Empat yang ada sekarang adalah pada tahap sederhana atau kurang memuaskan, namun bukanlah terlalu sukar untuk digunakan serta dibaca oleh murid sasaran khususnya untuk tujuan pengajaran yang memerlukan bimbingan guru. Namun melihat kepada skor ujian yang diperoleh murid serta petunjuk-petunjuk dari

pelbagai dapatan kajian dan pandangan para sarjana berkaitan isu ini, memberikan gambaran bahawa tahap bahasa Arab yang dimiliki murid adalah lebih rendah daripada yang sepatutnya. Hal ini bermakna objektif pembelajaran bahasa Arab peringkat menengah rendah yang antara lain perlu menguasai kemahiran membaca tidak tercapai. Hal ini boleh memberi kesan yang negatif dalam mencapai objektif pembelajaran bahasa Arab peringkat menengah atas yang merupakan suatu peringkat yang penting lebih-lebih lagi pada peringkat pengajian yang lebih tinggi.

Selain itu, kekurangan pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab yang diperlukan untuk kegunaan peringkat pengajian yang lebih tinggi dan mencabar juga boleh menjejaskan motivasi mereka untuk mendalami bahasa Arab yang dipelajari walaupun mereka mempunyai kesedaran serta persepsi yang tinggi terhadap kepentingan bahasa Arab sama ada dari perspektif Islam mahupun sebagai salah satu cara menambah pengetahuan mereka. Dari implikasi ini dicadangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Pihak berwajib dengan pendidikan bahasa Arab perlulah mewujudkan satu sistem atau kaedah untuk menilai tahap kebolehbacaan buku-buku teks yang disediakan pada semua peringkat pembelajaran di sekolah. Begitu juga kebolehbacaan bahan-bahan bacaan tambahan yang disediakan di sekolah yang terlibat bagi memastikan kesesuaiannya dengan tahap murid seterusnya boleh menarik minat murid untuk meningkatkan kemahiran membaca teks Arab melalui bahan-bahan bacaan yang disediakan.
- (b) Pihak berwajib juga seharusnya menyediakan garis panduan penulisan buku teks bahasa Arab yang dibuat berdasarkan pandangan dan saranan pakar yang berasaskan penyelidikan yang saintifik seperti saranan-saranan yang

dikemukakan oleh Al-Nāqah & Ṭu‘aimah (1985), Toiemah (1985) dan Yūnus (2003). Panduan penulisan yang disediakan melibatkan pelbagai perkara sama ada pemilihan perkataan, pemilihan struktur ayat, aras dan urutan kesukaran bahasa dan isi kandungan, aktiviti dan latihan, reka bentuk fizikal, tema dan fokus perbincangan dan sebagainya. Selain itu panel pakar penilai yang dilantik juga perlulah diberi panduan yang jelas dan lengkap bagi menilai buku teks yang telah siap ditulis oleh para penulis.

- (c) Selain daripada penerapan asas pengetahuan dan kemahiran bahasa yang lebih tersusun, perlu juga diwujudkan satu sistem penilaian bagi menilai tahap kecekapan pelbagai kemahiran bahasa Arab dalam kalangan murid yang bukan berorientasikan peperiksaan awam atau rasmi. Di samping itu disediakan juga program sokongan bagi mengatasi masalah murid-murid yang tidak mencapai tahap kemahiran bahasa yang ditetapkan. Antara program yang boleh dilakukan seperti program pemulihan intensif dengan memberi penekanan kepada bentuk serta punca kelemahan yang dihadapi oleh murid terlibat dengan mengadakan aktiviti-aktiviti pengukuhan dan latihan yang difokus kepada bentuk kelemahan yang dihadapi. Begitu juga program pengayaan membaca bahan-bahan bacaan mudah dalam kuantiti tertentu dalam tempoh masa yang tertentu. Kemudian ia disertakan dengan pembentangan kandungan yang dibaca secara lisan atau bertulis dalam bahasa Arab atau bahasa Melayu yang dilakukan secara individu atau berkumpulan.
- (d) Selain peringkat persekolahan, peringkat pengajian tinggi juga perlu menjalani penilaian tahap kebolehbacaan buku-buku berbahasa Arab yang menjadi bahan pembelajaran dan juga rujukan asas bagi murid-murid yang mengikuti

pengajian yang menggunakan bahasa Arab sebagai medium pembelajaran. Usaha ini adalah wajar memandangkan kebanyakan buku-buku teks dan rujukan yang digunakan ditulis oleh penulis-penulis Arab untuk pembaca Arab.

#### **5.11 Cadangan Kajian Lanjutan**

Kajian berkaitan kebolehbacaan bahan bacaan bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing adalah agak jarang di Malaysia, dan ia juga amat kurang dilakukan pada peringkat antarabangsa. Hal ini jelas dapat dilihat melalui tinjauan kajian-kajian lepas, kajian kebolehbacaan kebanyakannya banyak tertumpu kepada bahan-bahan bacaan berbahasa Inggeris sama ada dari aspek pembangunan kaedah dan formula bagi mengukur kebolehbacaan atau kajian mengukur bahan-bahan bacaan dengan menggunakan kaedah dan formula yang sedia ada. Kajian ini boleh dianggap penerokaan awal dalam bidang kebolehbacaan teks bahasa Arab untuk penutur bukan Arab di Malaysia. Berdasarkan tinjauan pengkaji, kajian-kajian yang pernah dijalankan majoritinya dilakukan ke atas teks-teks bacaan berbahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Tidak kedapatan kajian kebolehbacaan teks bahasa Arab sebagai bahasa ibunda atau asing, justeru sudah pasti kajian ini mempunyai batasan dan skop yang tertentu. Oleh itu berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas dan batasan-batasan yang ada dalam kajian ini, maka beberapa kajian lanjutan dicadangkan sebagaimana berikut:

1. Kajian ini hanya melibatkan satu buku teks bahasa Arab sahaja, iaitu buku teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat. Dapatan yang diperoleh tidak boleh digeneralisasikan kepada buku-buku teks bahasa Arab yang lain. Oleh itu perlu dilakukan kajian pada semua peringkat persekolahan bagi mengenal pasti tahap

kebolehbacaan buku-buku teks bahasa Arab yang digunakan serta kesesuaiannya dengan murid sasaran.

2. Memandangkan skor kebolehbacaan yang diperoleh adalah daripada sampel serta populasi teks bacaan yang bersaiz kecil, ia memberi kesan terhadap aras signifikan analisis korelasi yang dilakukan (Pallant 2001). Dapatan kajian yang dilakukan menunjukkan terdapat beberapa ciri pada pemboleh ubah tak bersandar khususnya dalam kriteria linguistik dan persembahan teknikal yang didapati berpotensi menunjukkan hubungan yang lebih bermakna. Kajian lanjutan berkaitan perlu melibatkan penggunaan saiz sampel teks bacaan yang lebih besar.
3. Bagi memastikan ukuran kebolehbacaan teks bahasa Arab yang dilakukan lebih objektif, kajian pembangunan satu formula khas perlu dilakukan. Di samping ujian klotz yang telah dikenal pasti, satu alat ukur lain perlu dibangunkan berdasarkan pemboleh-pemboleh ubah linguistik bahasa Arab untuk penutur asing dan juga berdasarkan ciri-ciri persembahan teknikal sesebuah buku teks. Oleh itu dapatan berkaitan kriteria linguistik dan persembahan teknikal yang terdapat dalam kajian ini boleh dijadikan panduan ke arah penubuhan formula tersebut.
4. Selain kaedah yang telah digunakan dalam kajian ini untuk menilai tahap kebolehbacaan buku teks bahasa Arab, disarankan kajian lanjutan yang akan dilakukan menggunakan teknik atau kaedah lain bagi melihat ketepatan atau kesesuaian dalam konteks bahasa Arab sebagai bahasa asing sama ada menggunakan reka bentuk kuantitatif ataupun kualitatif.
5. Selain kajian mengukur atau menilai kebolehbacaan bahan-bahan bacaan berasaskan kriteria linguistik, kajian menilai kebolehbacaan teks-teks bahasa Arab berasaskan persembahan teknikal berdasarkan ujian perlu dijalankan. Sebagai contoh dari aspek

tulisan; apakah bentuk, jenis, saiz tulisan yang boleh meningkat tahap kelancaran membaca, kefahaman bacaan, motivasi membaca atau kebolehbacaan teks Arab. Begitu jugalah aspek-aspek yang lain seperti bentuk susun atur, persembahan isi kandungan, urutan kesukaran, ilustrasi dan sebagainya.

6. Kajian lanjutan berkaitan kebolehbacaan yang akan dijalankan boleh dilakukan bukan sahaja ke atas bahan bacaan bahasa Arab pada peringkat persekolahan, ia juga boleh dijalankan ke atas bahan bacaan bahasa Arab pada peringkat pengajian tinggi. Malah kajian kebolehbacaan bahan-bahan bacaan di pusat pengajian tinggi lebih mudah dilakukan kerana sampel bahan bacaan yang boleh digunakan banyak dan pelbagai berbanding di sekolah.
7. Kebanyakan formula dan kaedah untuk mengukur kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan biasanya menggunakan sampel teks yang bersifat teks kandungan yang digunakan untuk aktiviti kemahiran membaca serta mengandungi lebih seratus patah perkataan. Sebagai contoh kebanyakan kaedah mengukur teks bacaan yang menggunakan ciri kekerapan perkataan atau ayat dilakukan berdasarkan seratus perkataan pertama dalam teks. Hal ini bermakna teks yang diukur adalah perlu bersifat teks kandungan yang mempunyai paling kurang seratus patah perkataan. Namun perlu ada satu kajian untuk mengenal pasti kaedah yang boleh mengukur buku-buku yang tidak mempunyai teks panjang di dalamnya, iaitu teks yang bercirikan teks fungsian yang ringkas dan padat khususnya buku teks di sekolah atau pusat pengajian tinggi yang berkaitan ilmu nahu, balaghah, şaraf dan sebagainya, lebih-lebih lagi teks bacaan tersebut ditulis dalam bahasa asing.

## 5.12 Penutup

Kajian ini adalah satu usaha penerokaan awal dalam membina kriteria-kriteria serta mengukur kebolehbacaan teks-teks bacaan bahasa Arab sebagai bahasa asing khususnya di Malaysia dengan difokuskan kepada buku teks BAT Tingkatan Empat di SMKA. Berdasarkan kajian ini didapati buku teks BAT Tingkatan Empat yang digunakan sekarang tidak sesuai digunakan oleh murid sama ada untuk tujuan pengajaran atau pembacaan bebas. Hal ini berdasarkan dapatan tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat melalui ujian klotz yang berada pada tahap kecewa. Manakala penilaian guru terhadap persembahan teknikal buku teks BAT Tingkatan Empat pula berada pada tahap sederhana. Tahap motivasi murid pula terhadap buku teks BAT Tingkatan Empat berdasarkan persepsi mereka adalah tinggi, namun daripada perspektif guru motivasi murid adalah sederhana.

Daripada analisis korelasi yang dilakukan, didapati tidak ada hubungan yang signifikan antara motivasi murid, pencapaian bahasa berdasarkan pencapaian BAK murid dalam PMR 2006 dan pengetahuan sedia ada murid berkaitan topik-topik dalam buku teks BAT Tingkatan Empat dengan skor kebolehbacaan. Daripada petunjuk-petunjuk dapatan kajian dan tinjauan kajian lepas dapat diandaikan faktor yang lebih dominan memberi kesan ke atas tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat berbanding faktor-faktor yang ditinjau adalah tahap pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab murid yang rendah.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian yang berkaitan kriteria-kriteria linguistik dan persembahan teknikal ini, boleh dijadikan panduan dan sandaran dalam usaha membangunkan satu kaedah mengukur kebolehbacaan buku teks bahasa Arab sebagai

bahasa asing, khususnya dalam membina satu formula kebolehbacaan bagi teks-teks bahasa Arab bagi pembaca bukan Arab. Selain itu segala rumusan dan cadangan yang telah dibentang dan disarankan, diharap sedikit sebanyak boleh membantu dalam mengemaskinikan serta menambah baik proses penyediaan buku teks bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing pada pelbagai peringkat di Malaysia oleh mana-mana pihak yang berkenaan yang terlibat dengan pendidikan bahasa Arab. Selain itu diharap juga ia boleh menjadi antara rujukan ilmiah kepada ahli penyelidik lain dalam mengembangkan kajian bidang kebolehbacaan bahasa Arab sebagai bahasa asing pada semua peringkat dan tahap pengkajian.

وبالله التوفيق والهداية

والله أعلم بالصواب